

**AKTA ZON BEBAS DAN  
PERATURAN-PERATURAN  
Semua Pindaan Hingga Januari, 2011**

[Susunan Seksyen]

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 438**

**AKTA ZON BEBAS**

---

SUSUNAN SEKSYEN

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Perisytiharan zon-zon bebas dan perlantikan Pihak Berkuasa.

**BAHAGIAN II**

**AKTIVITI YANG DIBENARKAN DALAM ZON BEBAS**

4. Barang-barang dan perkhidmatan dalam zon bebas.
5. Urusan mengenai atau pelupusan barang-barang dalam zon bebas.
6. Pengecualian barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan daripada taraf bebas.
- 6A. Perniagaan runcit di dalam zon bebas.
7. Barang-barang disifatkan dieksport dari atau diimport ke dalam Malaysia.
8. Barang-barang yang dikilang dalam zon perindustrian bebas.
9. Penalti.
10. Aktiviti.
11. Barang-barang yang dibenarkan ke dalam zon perindustrian bebas.
12. Barang-barang yang dibenarkan ke dalam zon perdagangan bebas.

**BAHAGIAN III**

**FUNGSI-FUNGSI TERTENTU PIHAK BERKUASA**

13. Pihak Berkuasa hendaklah mengadakan kemudahan-kemudahan.
14. Pihak Berkuasa boleh membenarkan pembinaan bangunan-bangunan persendirian, dsb.
15. Kemasukan dan pemastautinan dalam suatu zon perindustrian bebas.
16. Penyingkiran barang-barang tertentu, dsb.
17. Laporan-laporan tahunan dan akaun-akaun.

## [Susunan Seksyen]

### *AKTA ZON BEBAS*

#### **BAHAGIAN IV**

#### **KESALAHAN-KESALAHAN, PENALTI-PENALTI, PENGELEDAHAN, PENYITAAAN, TANGKAPAN DAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN MENGENAI PERBICARAAN DAN PROSIDING**

##### Seksyen

18. Orang-orang yang terikat untuk memberi maklumat.
19. Penalti bagi kesalahan yang selainnya tidak diperuntukkan dengan nyata.
20. Percubaan dan persubahatan.
21. Mengeluarkan waran geledah.
22. Bila pengeledahan boleh dibuat tanpa waran.
23. Pegawai-pegawai kastam boleh menahan dan mengeledah kenderaan.
- 23A. Akses kepada maklumat berekod atau data berkomputer.
24. Kuasa untuk membuka bungkusan dna memeriksa barang-barang.
25. Pemeriksaan orang-orang yang memasuki dan keluar dari zon bebas.
26. Penyitaan barang-barang yang menjadi subjek sesuatu kesalahan.
27. Pemulangan atau pelupusan harta alih.
28. Kuasa tangkapan.
29. Peruntukan-peruntukan berkaitan dengan penangkapan tanpa waran.
30. *Dibatalkan.*
- 30A. Kewajipan kerahsiaan.
31. Perlindungan bagi pemberi maklumat daripada diketahui.
32. Kesalahan oleh kumpulan orang, dan oleh pengkhidmat-pengkhidmat dan ejen-ejen.
33. Mengkompaun kesalahan.
34. Perlindungan bagi Kerajaan daripada liabiliti.
35. Perlindungan bagi pegawai kastam daripada liabiliti.
36. Tiada kos atau ganti rugi boleh didapati melainkan penyitaan dibuat tanpa sebab yang munasabah atau sebab yang mungkin.
37. Sabitan di bawah undang-undang bertulis yang lain.
38. Barang-barang yang boleh dilucuthak.
39. Mahkamah hendaklah memerintah perlucuthakan dan pelupusan barang-barang yang disita.
40. Barang-barang yang disita yang berkenaan dengannya tiada apa-apa pendakwaan.
41. Barang-barang yang disita boleh diserahkan kepada pemunya atau orang lain.

[Susunan Seksyen]

**AKTA ZON BEBAS**

**BAHAGIAN V**

**PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PELBAGAI**

Seksyen

42. Vesel berkaitan dengan zon bebas.
- 42A. Pindahan barang-barang ke dalam dan dari zon bebas melalui laut.
- 42B. Pindahan barang-barang ke dalam dan dari zon bebas melalui udara.
- 42C. Pindahan barang-barang ke dalam dan dari zon bebas melalui jalan atau keretapi.
43. Pegawai kastam yang hak boleh mengambil sampel.
44. Pengkhidmat awam.
45. Upah.
46. Rayuan atas keputusan Pihak Berkuasa atau Ketua Pengarah.
47. Kuasa membuat peraturan-peraturan.
48. Kuasa untuk mewakili.

**BAHAGIAN VI**

**PINDAAN-PINDAAN DAN PEMANSUHAN**

49. Pindaan-pindaan dan pemansuhan.
50. Zon perdagangan bebas disifatkan sebagai zon perindustrian bebas.
51. Menteri boleh membatalkan mana-mana pengisytiharan atau perintah.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

JADUAL KETIGA.

[Seksyen 1 – 2]

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 438

### AKTA ZON BEBAS

Suatu Akta untuk membuat peruntukan mengenai penubuhan zon-zon bebas dalam Malaysia untuk menggalakkan kehidupan ekonomi negara dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.

[ 5 September 1991 [P.U.(B) 455/91]]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

#### BAHAGIAN I PERMULAAN

##### Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Zon Bebas 1990.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri bolehlah menetapkan tarikh mula berkuatkuasa yang berlainan bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

#### Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“aktiviti” termasuklah aktiviti perdagangan dan aktiviti pengilang dan pengendalian-pengendalian yang berkaitan;

“aktiviti perdagangan” termasuklah berniaga (tidak termasuk perniagaan runcit), memecah pukal, menggred, pembungkusan semula, melabel semula dan transit;

“barang-barang” termasuklah binatang, burung, ikan, tumbuhan dan semua jenis harta alih;

“cukai jualan” ertinya apa-apa cukai yang dikenakan oleh atau di bawah Akta Cukai Jualan 1972;

## [Seksyen 2]

### *AKTA ZON BEBAS*

“cukai perkhidmatan” ertinya apa-apa cukai yang dikenakan oleh atau di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975;

“duti eksais” ertinya apa-apa duti yang dikenakan oleh atau di bawah Akta Eksais 1976;

“duti kastam” ertinya apa-apa duti yang dikenakan oleh atau di bawah Akta Kastam 1967;

“kawasan utama kastam” ertinya mana-mana bahagian Malaysia tetapi tidak termasuk zon bebas, Labuan, Langkawi dan Tioman;

“Labuan” hendaklah mempunyai pengertian yang sama seperti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 154 Akta Kastam 1967;

“Langkawi” hendaklah mempunyai pengertian yang sama seperti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 163A Akta Kastam 1967;

“lapangan terbang kastam” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Kastam 1967;

“Menteri” ertinya Menteri yang sedang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“nilai” berkaitan dengan barang-barang yang diimport mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Kastam 1967;

“pegawai Pihak Berkuasa yang hak” ertinya mana-mana pegawai Pihak Berkuasa yang bertindak bagi menunaikan tugas-tugasnya di bawah Akta, sama ada tugas-tugas itu ditugaskan kepadanya secara khas atau am, atau secara nyata atau tersirat;

“pengendalian” ertinya pengendalian-pengendalian yang dinyatakan di bawah aktiviti yang diluluskan oleh Menteri di bawah peruntukan seksyen 10;

“pengilangan” ertinya penukaran dengan cara tangan atau jentera bahan organik atau tak organik kepada suatu keluaran baru dengan menukar saiz, bentuk, komposisi, jenis atau kualiti bahan-bahan itu dan termasuklah memasang bahagian-bahagian menjadi suatu jentera atau keluaran lain, tetapi tidak termasuk pemasangan jentera atau kelengkapan bagi maksud pembinaan; dan istilah “aktiviti mengilang” dengan variasi gramatisnya dan dengan ungkapan seasalnya hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya dan, berkaitan dengan istilah itu, ia hendaklah termasuk apa-apa aktiviti yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah sebagai aktiviti mengilang;

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh mengikut budi bicara mutlaknya menentukan bahawa hasil bagi apa-apa pengilangan atau aktiviti itu bukanlah suatu keluaran barang yang baru;

**AKTA ZON BEBAS**

“perkhidmatan” mempunyai pengertian yang sama seperti yang diberikan kepada istilah “perkhidmatan ditetapkan” di bawah Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975;

“Pihak Berkuasa” ertinya mana-mana badan berkanun atau syarikat atau jabatan bagi Kerajaan Malaysia atau bagi mana-mana Negeri dalam Malaysia yang dilantik di bawah peruntukan subseksyen (2) seksyen 3 untuk mentadbir, menyenggara dan mengendali mana-mana zon bebas;

“tempat import atau eksport yang ditetapkan” ertinya apa-apa tempat yang ditetapkan di bawah seksyen 142 Akta Kastam 1967 sebagai suatu tempat bagi import dan eksport barang-barang melalui jalan dan keretapi;

“tempat pendaratan yang sah di sisi undang-undang” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Kastam 1967;

“Tioman” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 163J Akta Kastam 1967;

“zon bebas” ertinya mana-mana bahagian Malaysia yang diisytiharkan di bawah peruntukan subseksyen (1) seksyen 3 menjadi suatu zon perdagangan bebas atau zon perindustrian bebas.

(2) Bagi maksud tafsiran perkataan “nilai”, import ertinya import dari suatu zon bebas ke dalam suatu kawasan utama kastam.

(3) Ungkapan “Ketua Pengarah”, “pegawai kastam”, “pegawai kanan kastam”, “pegawai kastam yang hak” dan “barang-barang berduti” masing-masing hendaklah mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya dalam Akta Kastam 1967.

**Perisytiharan zon-zon bebas dan perlantikan Pihak Berkuasa**

3. (1) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengisytiharkan mana-mana kawasan dalam Malaysia sebagai suatu zon perdagangan bebas atau zon perindustrian bebas dan setiap pemberitahuan itu hendaklah mentakrifkan had-had zon itu.

(2) Menteri boleh melantik mana-mana badan berkanun yang ditubuhkan atau diwujudkan oleh atau di bawah suatu undang-undang Persekutuan atau mana-mana jabatan bagi Kerajaan Malaysia atau dengan persetujuan Negeri yang berkenaan, mana-mana badan berkanun yang ditubuhkan atau dibentuk oleh atau di bawah suatu undang-undang Negeri atau mana-mana jabatan Kerajaan bagi suatu Negeri atau mana-mana syarikat sebagai Pihak Berkuasa untuk mentadbir, menyenggara dan mengendali mana-mana zon bebas yang telah diisytiharkan sedemikian di bawah subseksyen (1).

## [Seksyen 4 – 5]

### *AKTA ZON BEBAS*

#### **BAHAGIAN II**

#### **AKTIVITI YANG DIBENARKAN DALAM ZON BEBAS**

##### **Barang-barang dan perkhidmatan dalam zon bebas**

4. Tertakluk kepada Akta ini apa-apa jenis barang-barang dan perkhidmatan kecuali bagi yang dilarang dengan tertentu dan mutlak oleh undang-undang, boleh dibawa masuk, dikeluarkan, dihasilkan atau dibekalkan dalam suatu zon bebas tanpa bayaran apa-apa duti kastam, duti eksais, cukai jualan atau cukai perkhidmatan.

##### **Urusan mengenai atau pelupusan barang-barang dalam zon bebas**

5. (1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan di bawahnya tiada seorang pun boleh berurusan dengan atau selainnya melupuskan apa-apa barang dalam zon bebas.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, barang-barang dalam suatu zon bebas bolehlah —

- (a) dipindahkan dari zon bebas itu untuk eksport atau dihantar ke dalam suatu zon bebas yang lain sama ada dalam bungkusan asal atau selainnya;
- (b) melainkan jika diarahkan selainnya oleh Pihak Berkuasa —
  - (i) disimpan, dijual, dipamer, dipecah-pecahkan dibungkus semula, dipasang, diedarkan, disisihkan, digredkan, dibersihkan, dicampur atau selainnya dikendelat atau dikilang mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini, atau
  - (ii) dimansuhkan;
- (c) dengan kelulusan Pihak Berkuasa, dan tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh dikenakan olehnya dihantar ke dalam mana-mana bahagian kawasan utama kastam dalam bungkusan asal atau selainnya dengan syarat bahawa Pihak Berkuasa hendaklah berunding dengan Ketua Pengarah sebelum pemindahan barang-barang itu dibenarkan.

(3) Peruntukan-peruntukan seksyen ini tidaklah terpakai kepada barang-barang yang dikecualikan oleh perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) seksyen 6.

**AKTA ZON BEBAS**

**Pengecualian barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan daripada taraf bebas**

4. **6.** (1) Menteri bolehlah, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan apa-apa barang atau perkhidmatan daripada peruntukan seksyen

(2) Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis, peruntukan-peruntukan Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 hendaklah terpakai kepada barang-barang dan perkhidmatan yang dikecualikan sedemikian seolah-olah zon bebas itu adalah suatu tempat dalam kawasan utama kastam.

**Perniagaan runcit di dalam zon bebas**

**6A.** Menteri boleh, menurut budi bicara mutlaknya, membenarkan mana-mana perniagaan runcit dijalankan di dalam zon bebas dan Menteri boleh berkaitan dengan kebenaran itu mengenakan apa-apa syarat seperti yang difikirkannya patut.

**Barang-barang disifatkan dieksport dari atau diimport ke dalam Malaysia**

**7.** Melainkan jika diperuntukan selainnya di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan di bawahnya atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain —

- (a) barang-barang yang dibawa keluar dari mana-mana bahagian kawasan utama kastam dan dibawa ke dalam suatu zon bebas hendaklah disifatkan sebagai dieksport dari Malaysia; dan
- (b) barang-barang yang dibawa keluar dari suatu zon bebas dan dibawa ke dalam mana-mana bahagian kawasan utama kastam hendaklah disifatkan sebagai diimport ke dalam Malaysia.

**Barang-barang yang dikilang dalam zon perindustrian bebas**

**8.** (1) Barang-barang yang dikilang dalam suatu zon perindustrian bebas tidak boleh dibawa keluar dari zon itu kecuali —

- (a) untuk eksport; atau
  - (b) dengan kelulusan Pihak Berkuasa dan selepas berunding dengan Ketua Pengarah dan, tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh dikenakan, bagi pemindahan barang-barang itu ke suatu zon perdagangan bebas.
- (2) *(Dibatalkan).*

## [Seksyen 8 – 10]

### *AKTA ZON BEBAS*

(3) *(Dibatalkan)*.

(4) Barang-barang yang dikilang dalam suatu zon perindustrian bebas tidak boleh, tanpa kebenaran bertulis seorang pegawai kastam yang hak yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pengarah Kastam dan Eksais, dipakai atau digunakan dalam zon tersebut.

#### **Penalti**

9. Mana-mana orang yang melanggar peruntukan-peruntukan seksyen 5, 6A atau 8 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh, bagi kesalahan kali pertama, dikenakan denda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda amaun duti atau cukai kastam atau eksais atau lima ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih kecil, dan tidak lebih daripada dua puluh kali ganda amaun duti atau cukai kastam atau eksais atau lima ribu ringgit mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, dan bagi kesalahan kali kedua atau kesalahan berikutnya denda tidak kurang daripada dua puluh kali ganda duti atau cukai kastam atau eksais atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana amaun yang lebih kecil, dan tidak lebih daripada empat puluh kali ganda duti atau cukai kastam atau eksais atau sepuluh ribu ringgit mengikut mana-mana amaun yang lebih besar, atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-dua denda dan penjara:

Dengan syarat bahawa jika nilai barang-barang itu tidak dapat ditentukan penaltinya bolehlah bersamaan dengan suatu jumlah denda tidak melebihi lima ribu ringgit.

#### **Aktiviti**

10. (1) Dengan kelulusan Menteri —

- (a) aktiviti-aktiviti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama boleh dijalankan dalam suatu zon perdagangan bebas;
- (b) aktiviti-aktiviti mengilang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua boleh dijalankan dalam suatu zon perindustrian bebas.

(2) Menteri bolehlah dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam *Warta* menambah kepada, mengubah atau meminda Jadual Pertama dan Kedua.

(3) Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis, Menteri boleh membenarkan mana-mana aktiviti dijalankan di dalam zon bebas tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan.

**AKTA ZON BEBAS**

**Barang-barang yang dibenarkan ke dalam zon perindustrian bebas**

**11.** (1) Tertakluk kepada Akta ini, barang-barang daripada apa-apa jenis yang akan digunakan secara langsung untuk pengilangan barang-barang lain atau barang-barang yang dikilangkan di mana-mana bahagian kawasan utama kastam yang adalah untuk eksport bolehlah dibawa ke dalam suatu zon perindustrian bebas.

(2) Menteri boleh, dalam mana-mana hal tertentu, membenarkan barang-barang, selain daripada barang-barang yang disebut dalam subseksyen (1), dibawa ke dalam zon perindustrian bebas bagi mana-mana aktiviti yang dibenarkan olehnya dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan.

**Barang-barang yang dibenarkan ke dalam zon perdagangan bebas**

**12.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), apa-apa jenis barang-barang boleh dibawa ke dalam suatu zon perdagangan bebas.

(2) Menteri boleh, melalui perintah, melarang apa-apa barang-barang atau kelas barang-barang daripada dibawa ke dalam suatu zon perdagangan bebas.

**BAHAGIAN III**

**FUNGSI-FUNGSI TERTENTU PIHAK BERKUASA**

**Pihak Berkuasa hendaklah mengadakan kemudahan-kemudahan**

**13.** (1) Menteri boleh menghendaki Pihak Berkuasa mengadakan dan menyenggarakan atau membenarkan dalam suatu zon bebas kemudahan-kemudahan yang difikirkannya perlu untuk membolehkan zon itu berfungsi dengan sepatutnya dan dengan cekap.

(2) Menteri boleh memberi Pihak Berkuasa arahan-arahan yang difikirkannya perlu untuk membolehkan suatu zon bebas berfungsi dengan sepatutnya atau bagi maksud melindungi hasil; dan Pihak Berkuasa hendaklah mematuhi mana-mana arahan itu.

(3) Pihak Berkuasa hendaklah mengadakan kemudahan-kemudahan yang mencukupi bagi pegawai-pegawai kastam yang mengikut tugas-tugas mereka dikehendaki hadir dalam atau di perimeter suatu zon bebas; dan Pihak Berkuasa hendaklah membenarkan pejabat-pejabat kastam ditubuhkan dalam suatu zon bebas—

- (a) untuk membolehkan Ketua Pengarah membuat apa-apa persediaan sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk menjamin pengawasan yang sepatutnya, mengenai barang-barang yang dibawa keluar dari zon bebas itu; dan

## [Seksyen 13 – 16]

### *AKTA ZON BEBAS*

(b) bagi maksud yang difikirkan perlu oleh Menteri bagi pentadbiran peruntukan Akta ini dengan cara yang lebih baik.

(4) Pihak Berkuasa hendaklah mengadakan kepungan-kepungan yang mencukupi untuk mengasingkan suatu zon bebas dari kawasan utama kastam bagi perlindungan hasil dan juga peruntukan-peruntukan yang sesuai bagi pergerakan orang-orang, kenderaan, vesel dan barang-barang yang masuk atau keluar dari suatu zon bebas.

#### **Pihak Berkuasa boleh membenarkan pembinaan bangunan-bangunan persendirian, dsb.**

**14.** (1) Pihak Berkuasa boleh membenarkan mana-mana orang mendirikan apa-apa bangunan dan lain-lain binaan dalam suatu zon perindustrian bebas mengikut sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Pihak Berkuasa boleh, selepas berunding dengan Ketua Pengarah, memajakkan kepada atau membenarkan mana-mana orang mengambil, memegang atau menikmati tiap-tiap jenis harta alih dan harta tak alih dalam suatu zon perindustrian bebas atas apa-apa terma dan syarat dan bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

#### **Kemasukan dan pemastautinan dalam suatu zon perindustrian bebas**

**15.** (1) Tertakluk kepada Akta ini tiada seorang pun boleh memasuki atau bermastautin dalam suatu zon perindustrian bebas tanpa kebenaran Pihak Berkuasa.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

#### **Penyingkiran barang-barang tertentu. dsb.**

**16.** (1) Pihak Berkuasa boleh mengikut budi bicaranya memerintahkan penyingkiran atau pemindahan dari suatu zon perindustrian bebas apa-apa barang-barang atau memberhentikan apa-apa aktiviti atau pengendalian yang pada pendapatnya adalah merbahaya atau mudarat kepada kepentingan, kesihatan atau keselamatan awam.

(2) Suatu perintah oleh Pihak Berkuasa mengenai pemindahan atau penyingkiran apa-apa barang, yang pada pendapat Pihak Berkuasa adalah merbahaya atau mudarat kepada keselamatan awam hendaklah, walaupun suatu rayuan dibuat kepada Menteri, dipatuhi dengan serta-merta tetapi suatu perintah mengenai pemberhentian aktiviti-aktiviti atau pengendalian-pengendalian tidak boleh berkuatkuasa jika suatu rayuan telah dibuat kepada Menteri sehingga keputusan rayuan itu memihak kepada Pihak Berkuasa.

**AKTA ZON BEBAS**

(3) Keputusan Menteri hendaklah muktamad dan tidak boleh tertakluk kepada kajian semula oleh mana-mana mahkamah.

**Laporan-laporan tahunan dan akaun-akaun**

**17.** (1) Pihak Berkuasa hendaklah menetapkan bentuk dan cara menyimpan akaun-akaun suatu zon bebas itu.

(2) Pihak Berkuasa jika diarahkan sedemikian oleh Menteri hendaklah mengemuka kepadanya tiap-tiap tahun dan pada bila-bila masa lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, laporan-laporan mengandungi pernyataan penuh mengenai semua aktiviti, pengendalian, penerimaan dan perbelanjaan dan apa-apa maklumat lain berkenaan dengan zon itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri.

**BAHAGIAN IV**

**KESALAHAN-KESALAHAN, PENALTI-PENALTI, PENGGELEDAHAN,  
PENYITAAAN, TANGKAPAN DAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN  
MENGENAI PERBICARAAN DAN PROSIDING**

**Orang-orang yang terikat untuk memberi maklumat**

**18.** Tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh pegawai kastam untuk memberi maklumat atau mengemukakan dokumen-dokumen mengenai apa-apa perkara yang menjadi kewajipan pegawai itu untuk menyiasat dan adalah dalam kuasa orang itu untuk memberi atau mengemukakannya adalah terikat untuk memberi maklumat itu atau mengemukakan dokumen-dokumen itu.

**Penalti bagi kesalahan yang selainnya tidak diperuntukkan dengan nyata**

**19.** Tiap-tiap peninggalan atau pengabaian untuk mematuhi, dan tiap-tiap perbuatan yang dilakukan atau cuba hendak dilakukan bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya adalah menjadi suatu kesalahan dan mengenai apa-apa kesalahan itu yang penalti baginya tidak ada diperuntukkan dengan nyata, pesalah itu apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit.

**Percubaan dan persubahatan**

**20.** Mana-mana orang yang cuba melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau bersubahat melakukan kesalahan itu boleh dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

## [Seksyen 21 – 22]

### *AKTA ZON BEBAS*

#### **Mengeluarkan waran geledah**

**21.** Apabila didapati oleh mana-mana Majistret atas maklumat dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkan perlu, bahawa ada sebab yang munasabah bagi dipercayai bahawa dalam mana-mana kedai, gudang, atau bangunan atau tempat lain dalam suatu zon bebas, ada tersembunyi atau didepositkan apa-apa barang yang mengenainya suatu kesalahan di bawah Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 atau Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan, Majistret tersebut boleh mengeluarkan suatu waran memberikuasa kepada mana-mana pegawai kastam, yang dinamakan dalamnya, di waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan—

- (a) untuk memasuki kedai, gudang bangunan atau tempat lain itu dan menggeledah dan menyita apa-apa barang yang mengenainya ada sebab bagi dipercayai bahawa kesalahan yang tersebut di atas itu telah dilakukan, dan apa-apa buku atau dokumen yang dengan munasabahnya dipercayai ada kena mengena dengan kes itu;
- (b) untuk menangkap mana-mana orang atau orang-orang yang berada dalam kedai, gudang, bangunan atau tempat itu, yang dalam milikannya barang-barang seperti yang disebut terdahulu itu dijumpai; atau yang disyaki dengan munasabahnya oleh pegawai itu sebagai telah menyembunyi atau mendepositkan barang-barang itu;
- (c) memecah buka, jika perlu, mana-mana pintu kedai, gudang, bangunan atau tempat itu dan masuk ke dalamnya;
- (d) memasuki dengan kekerasan, jika perlu, tempat itu dan tiap-tiap bahagiannya;
- (e) membuang dengan kekerasan apa-apa galangan terhadap kemasukan, penggeledahan, penyitaan dan pemindahan yang dia diberi kuasa untuk melakukannya; dan
- (f) menahan mana-mana orang yang dijumpai berada dalam tempat itu sehingga tempat itu telah digeledah.

#### **Bila penggeledahan boleh dibuat tanpa waran**

**22.** Apabila didapati oleh mana-mana pegawai kanan kastam bahawa ada sebab yang munasabah bagi dipercayai bahawa dalam mana-mana kedai, gudang atau bangunan atau tempat lain dalam suatu zon bebas, ada tersembunyi atau didepositkan apa-apa barang-barang yang mengenainya suatu kesalahan di bawah Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 atau Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan, dan jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk dipercayai bahawa oleh sebab kelewatan dalam mendapatkan suatu waran

**AKTA ZON BEBAS**

geledah di bawah seksyen 21, barang-barang itu atau apa-apa buku atau dokumen-dokumen, yang dengan munasabahnyanya dipercayai ada kena mengena dengan kes itu mungkin akan dipindahkan, pegawai itu boleh menggunakan dalam, atas dan berkenaan dengan kedai, gudang atau bangunan atau tempat lain itu kuasa-kuasa yang disebut dalam seksyen 21 itu dengan suatu cara yang sepenuh dan secukupnya seolah-olah dia telah diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

**Pegawai-pegawai kastam boleh menahan dan mengeledah kenderaan**

**23.** (1) Mana-mana pegawai kastam boleh menahan dan memeriksa mana-mana kenderaan dalam suatu zon bebas bagi maksud menentukan sama ada apa-apa barang-barang yang mungkin menjadi subjek sesuatu kesalahan di bawah Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 atau Akta ini atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya ada terkandung di dalamnya, dan orang yang mengawal atau menjaga kenderaan itu hendaklah jika dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai itu menghentikan kenderaan itu dan membenarkan pegawai itu memeriksanya atau memindah kenderaan itu ke suatu tempat lain untuk pemeriksaan, dan tidak boleh meneruskan perjalanan sehingga kebenaran bagi berbuat demikian itu telah diberi oleh pegawai itu.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga mana-mana kenderaan yang diberhentikan untuk pemeriksaan di bawah subseksyen (1) hendaklah jika dikehendaki oleh pegawai kastam itu membuka semua bahagian kenderaan itu untuk pemeriksaan oleh pegawai itu dan hendaklah mengambil semua langkah yang perlu untuk membolehkan pemeriksaan itu dibuat sebagaimana dianggap perlu oleh pegawai itu.

**Akses kepada maklumat berekod atau data berkomputer**

**23A.** (1) Mana-mana pegawai kastam yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen 21, 22 dan 23 hendaklah diberi akses kepada apa-apa maklumat berekod atau data berkomputer, sama ada disimpan dalam komputer atau selainnya.

(2) Sebagai tambahan, seseorang pegawai kastam yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen 21, 22 dan 23 —

- (a) boleh memeriksa dan meneliti pengendalian mana-mana komputer dan apa-apa perkakas atau bahan yang berkaitan yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki digunakan atau telah digunakan berkaitan dengan maklumat atau data itu; dan
- (b) boleh menghendaki —
  - (i) orang yang pegawai kastam itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki menggunakan atau telah

## [Seksyen 23A – 25]

### *AKTA ZON BEBAS*

menggunakan komputer itu atau yang bagi pihaknya komputer itu digunakan atau telah digunakan sedemikian; atau

- (ii) orang yang menjaga, atau selainnya terlibat dalam, pengendalian komputer, perkakas atau bahan itu,

supaya memberinya bantuan yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki olehnya bagi maksud seksyen ini.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), “akses” termasuklah diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang diperlukan untuk membolehkan maklumat berekod atau data berkomputer itu difahami.

#### **Kuasa untuk membuka bungkusan dan memeriksa barang-barang**

24. Mana-mana pegawai kastam yang hak boleh dalam suatu zon bebas memeriksa apa-apa barang-barang yang dibawa ke dalam atau yang dipindah keluar dari suatu zon bebas atau yang dicadangkan untuk dibawa ke dalam atau keluar dari suatu zon bebas dan bagi maksud pemeriksaan itu mengarahkan barang-barang itu dibawa ke pejabat kastam atau balai kastam dan dia boleh membuka apa-apa bungkusan atau bekas.

#### **Pemeriksaan orang-orang yang memasuki dan keluar dari zon bebas**

25. Mana-mana orang yang mendarat, atau hampir akan mendarat atau setelah baru sahaja mendarat di suatu zon bebas, dari mana-mana vesel atau pesawat udara, sama ada bagi maksud mendarat atau selainnya, atau memasuki atau setelah baru sahaja memasuki suatu zon bebas melalui jalan atau keretapi atau keluar atau hampir hendak keluar dari suatu zon bebas dari mana-mana vesel atau pesawat udara, melalui jalan atau keretapi hendaklah, jika dikehendaki sedemikian oleh mana-mana pegawai kastam yang hak, membenarkan sama ada dirinya, barang-barang dan begasinya diperiksa oleh pegawai itu atau bersama-sama dengan barang-barang dan begasi itu pergi bersama-sama pegawai itu ke pejabat kastam atau balai kastam atau balai polis dan di sana membenarkan dirinya, barang-barang dan begasinya diperiksa oleh seorang pegawai kastam:

Dengan syarat bahawa —

- (a) mana-mana orang yang meminta supaya dirinya diperiksa di hadapan seorang pegawai kastam tidak boleh diperiksa kecuali di hadapan dan di bawah penyeliaan pegawai itu, dan orang itu boleh ditahan sehingga ketibaan pegawai itu atau dibawa masuk ke mana-mana pejabat kastam atau balai kastam atau balai polis di mana pegawai itu berada;

**AKTA ZON BEBAS**

- (b) barang-barang dan begasi mana-mana orang yang meminta untuk hadir apabila barang-barang dan begasinya digeledah dan jika menghadirkan dirinya dalam masa yang munasabah tidak boleh diperiksa kecuali dengan kehadirannya; dan
- (c) tiada seorang perempuan pun boleh diperiksa kecuali oleh seorang perempuan lain dengan betul-betul mengambil kira kehendak kesopanan.

**Penyitaan barang-barang yang menjadi subjek sesuatu kesalahan**

26. (1) Semua barang-barang yang berkenaan dengannya apa-apa kesalahan telah, atau ada sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa apa-apa kesalahan telah, dilakukan terhadap, atau apa-apa pelanggaran terhadap, Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 atau Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau apa-apa pelanggaran terhadap apa-apa sekatan atau syarat yang tertakluk kepadanya apa-apa lesen, permit atau kebenaran yang telah diberi di bawah mana-mana undang-undang itu, bersama-sama dengan apa-apa bekas, begasi, bungkusan, kenderaan, vesel (tidak melebihi daripada satu ratus lapan puluh dua tan bersih berdaftar), atau pesawat udara selain daripada pesawat udara yang digunakan bagi pengangkutan antarabangsa, yang mana Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 atau Akta ini atau di bawah itu mungkin dijumpai atau digunakan berhubungan dengan kesalahan atau pelanggaran itu, dan apa-apa buku atau dokumen yang dengan munasabahnya dipercayai sebagai mempunyai kaitan terhadap kes itu, boleh disita oleh mana-mana pegawai kastam dalam suatu zon bebas.

(2) Semua barang-barang dan bekas, begasi, bungkusan, kenderaan, vesel atau pesawat udara itu hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin yang sesuai, diserahkan ke dalam jagaan seorang pegawai kastam yang hak yang tugasnya adalah untuk menerimanya.

(3) Apabila apa-apa barang-barang, bekas, begasi, kenderaan, vesel atau pesawat udara disita di bawah Akta ini, pegawai yang menyitanya itu hendaklah dengan serta-merta memberi kepada pemunyanya, jika diketahui, notis bertulis tentang penyitaan itu serta alasan-alasannya sama ada dengan menyerahkan notis itu kepadanya sendiri atau melalui pos di tempat kediamannya, jika diketahui:

Dengan syarat bahawa notis itu tidaklah dikehendaki diberi jika penyitaan itu dibuat ke atas orang itu, atau di hadapan pesalah atau pemunya atau ejen-ejenjennya dan, dalam hal sesebuah vesel atau pesawat udara, di hadapan nakhoda atau juruterbangnya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Peruntukan seksyen ini berhubungan dengan penyitaan barang-barang hendaklah terpakai bagi semua kandungan apa-apa bungkusan atau bekas yang disita dan bagi apa-apa artikel yang digunakan untuk menyembunyikan kandungan itu.

## [Seksyen 26 – 27]

### *AKTA ZON BEBAS*

(5) Peruntukan seksyen ini berhubungan dengan penyitaan mana-mana vesel atau pesawat udara hendaklah terpakai juga bagi takal, kelengkapan dan perkakas vesel atau pesawat udara itu.

(6) Peruntukan seksyen ini berhubungan dengan penyitaan kenderaan hendaklah terpakai bagi semua kelengkapannya.

#### **Pemulangan atau pelupusan harta alih**

**27.** (1) Jika mana-mana harta alih telah disita di bawah Akta ini, seseorang pegawai kanan kastam boleh, mengikut budi bicaranya —

- (a) memulangkan harta alih itu secara sementara kepada pemunya atau kepada orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya harta alih itu disita, atau kepada mana-mana orang yang dianggap oleh pegawai kanan kastam itu sebagai berhak terhadap harta alih itu tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang boleh dikenakan dan, dalam apa-apa hal, tertakluk kepada pemberian cagaran yang mencukupi dengan memuaskan hati pegawai kanan kastam itu bahawa harta alih itu akan diserahkan kepada seseorang pegawai kanan kastam apabila diminta dan bahawa terma dan syarat tersebut, jika ada, hendaklah dipatuhi; atau
- (b) memulangkan harta alih itu kepada pemunya atau kepada orang yang daripada milikan, jagaan, atau kawalannya harta alih itu disita, atau kepada mana-mana orang yang dianggap oleh pegawai kanan kastam itu sebagai berhak terhadap harta alih itu, dengan kebebasan bagi orang yang kepadanya harta alih itu dipulangkan untuk melupuskannya, pemulangan itu adalah tertakluk kepada pemberian cagaran sehingga memuaskan hati pegawai kanan kastam itu dalam amaun tidak kurang daripada amaun yang pada pendapat pegawai kanan kastam itu, menunjukkan —
  - (i) bagi harta selain barang-barang berduti atau tak berkastam, nilai pasaran terbukanya, dan bagi barang-barang berduti atau tak berkastam, nilainya, pada tarikh harta atau barang-barang itu dipulangkan;
  - (ii) duti kastam yang kena dibayar berkenaan dengannya; dan
  - (iii) apa-apa cukai yang kena dibayar berkenaan dengannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis,

bagi pembayaran amaun yang dicagarkan itu kepada Ketua Pengarah sekiranya mahkamah membuat suatu perintah bagi melucuthakkan amaun itu di bawah seksyen 39, atau sekiranya amaun itu dilucuthakkan di bawah seksyen 33, mengikut mana-mana yang berkenaan ; atau

**AKTA ZON BEBAS**

(c) menjual atau memusnahkan harta alih itu, mengikut mana-mana yang sesuai dalam hal keadaan itu, jika ia suatu benda hidup atau jika, pada pendapat pegawai kanan kastam itu, ia dari jenis yang mudah musnah atau merbahaya atau mungkin merosot dengan cepat dari segi kualiti atau nilai, dan jika ia dijual sedemikian, dia hendaklah memegang hasil jualan itu untuk mematuhi keputusan mana-mana pendakwaan atau tuntutan, atau suatu pelucuthakan di bawah seksyen 33, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Mana-mana orang yang —

(a) gagal untuk menyerahkan kepada pegawai kanan kastam apabila diminta harta alih yang dipulangkan secara sementara di bawah perenggan (a) subseksyen (1); atau

(b) gagal untuk mematuhi atau melanggar apa-apa terma atau syarat yang dikenakan di bawah perenggan (a) subseksyen (1),

adalah melakukan suatu kesalahan dan bolehlah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

(3) Liabiliti jenayah bagi mana-mana orang di bawah subseksyen (2) adalah sebagai tambahan kepada apa-apa liabiliti lain yang orang tersebut atau mana-mana orang lain boleh menanggung di bawah terma dan syarat yang berkaitan dengan pemulangan harta alih itu di bawah perenggan (a) subseksyen (1).

(4) Peruntukan-peruntukan subseksyen (2) tidaklah terpakai bagi mana-mana orang, jika ada, yang menjadi penggerenti atau penjamin kepada orang yang kepadanya harta itu dipulangkan di bawah perenggan (a) subseksyen (1).

(5) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, sama ada secara am atau dalam mana-mana hal atau kelas hal tertentu, memberi arahan kepada Ketua Pengarah sebagaimana yang disifatkannya perlu atau suaimanfaat berkenaan dengan penggunaan kuasa yang diberi kepada seorang pegawai kanan kastam di bawah subseksyen (1).

(6) Tiada seorang pun berhak mengambil apa-apa tindakan atas sebab apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh atau apa-apa keputusan yang dibuat oleh atau bagi pihak Menteri atau oleh atau bagi pihak seseorang pegawai kanan kastam di bawah seksyen ini, dan tiada mahkamah boleh mempunyai apa-apa bidang kuasa untuk mendengar mana-mana tindakan sedemikian.

**Kuasa tangkapan**

**28.** (1) Mana-mana pegawai kastam boleh menangkap tanpa waran dalam suatu zon bebas —

## [Seksyen 28]

### *AKTA ZON BEBAS*

- (a) mana-mana orang yang didapati melakukan atau cuba hendak melakukan, atau mengambil kerja atau menolong mana-mana orang untuk melakukan atau bersubahat melakukan, suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (b) mana-mana orang yang disyaki semunasabahnya sebagai mempunyai dalam milikannya apa-apa barang-barang yang boleh disita di bawah Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya; atau
- (c) mana-mana orang yang terhadapnya wujud syak yang munasabah bahawa dia telah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya,

dan boleh memeriksa atau menyebabkan diperiksa mana-mana orang yang ditangkap sedemikian:

Dengan syarat bahawa tiada seorang perempuan pun boleh diperiksa kecuali oleh seseorang perempuan lain dengan betul-betul mengambil kira kehendak kesopanan.

(2) Tiap-tiap orang yang ditangkap sedemikian boleh dilepaskan daripada jagaan —

- (a) apabila dia menandatangani apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai kastam yang hak;
- (b) apabila dia menyempurnakan suatu bon, dengan suatu penjamin atau penjamin-penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai kastam yang hak; atau
- (c) apabila dia menandatangani apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai kastam yang hak dan dia menyempurnakan suatu bon, dengan suatu penjamin atau penjamin-penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai kastam yang hak.

(3) Mana-mana orang yang telah dilepaskan daripada jagaan di bawah subseksyen (2) boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai kastam —

- (a) jika pegawai itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana syarat yang berdasarkannya atau

**AKTA ZON BEBAS**

yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan atau selainnya dibenarkan dijamin telah atau mungkin dilanggar; atau

- (b) apabila diberitahu secara bertulis oleh penjamin orang itu bahawa orang itu mungkin melanggar mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan dan bahawa penjamin itu hendak dibebaskan daripada obligasinya sebagai penjamin.

**Peruntukan-peruntukan berkaitan dengan penangkapan tanpa waran**

**29.** (1) Seseorang pegawai kastam yang membuat tangkapan tanpa waran hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak perlu dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, tentang jaminan atau pelepasan yang terdahulu, membawa atau menghantar orang yang ditangkap itu ke mahkamah Majistret.

(2) Tiada seorang pegawai kastam pun boleh menahan dalam jagaan seseorang yang ditangkap tanpa waran bagi suatu tempoh yang lebih lama daripada yang di bawah hal keadaan kes itu adalah munasabah; dan tempoh itu tidak boleh melebihi dua puluh empat jam tidak termasuk masa yang diperlukan untuk perjalanan dari tempat tangkapan itu ke mahkamah Majistret itu.

(3) Tiada seorang pun yang telah ditangkap oleh seorang pegawai kastam boleh dilepaskan kecuali atas bonnya sendiri atau jaminan atau di bawah suatu perintah khas bertulis oleh seorang Majistret atau seorang pegawai kanan kastam.

**30.** *Dibatalkan.*

**Kewajipan kerahsiaan**

**30A.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 31, nama dan alamat seseorang pemberi maklumat dan substans maklumat yang diterima daripada seseorang pemberi maklumat hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana pegawai kastam yang hak atau mana-mana orang yang dalam perjalanan biasa tugasnya memperoleh atau mengawal atau mendapat akses kepada maklumat itu kepada mana-mana orang kecuali pegawai kastam ditetapkan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan bolehlah, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau hukuman penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**Perlindungan bagi pemberi maklumat daripada diketahui**

**31.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini, tiada seorang saksi pun dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah menurut Akta

## [Seksyen 31 – 32]

### *AKTA ZON BEBAS*

ini adalah diwajibkan atau dibenarkan untuk mendedahkan nama atau alamat pemberi maklumat atau substans maklumat yang diterima daripadanya atau untuk menyatakan apa-apa perkara yang boleh membawa kepada nama atau alamat pemberi maklumat itu diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, dokumen atau kertas yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan atau petikan yang di dalamnya mana-mana pemberi maklumat ada dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin membawa kepada diketahui siapa pemberi maklumat itu, maka mahkamah hendaklah menyebabkan segala catatan atau petikan tersebut disembunyikan daripada pandangan atau dipadamkan setakat yang perlu sahaja untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan bagi mana-mana kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, mahkamah, selepas siasatan penuh ke atas kes itu, mempercayai bahawa pemberi maklumat itu dengan sengaja membuat dalam pengaduannya suatu pernyataan material yang diketahuinya atau dipercayainya sebagai palsu atau tidak mempercayainya sebagai benar, atau jika dalam mana-mana prosiding lain mahkamah adalah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilakukan dengan sepenuhnya di antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa diketahui pemberi maklumat itu, adalah sah bagi mahkamah menghendaki supaya ditunjukkan pengaduan asal, jika bertulis, dan membenarkan siasatan, dan menghendaki pendedahan sepenuhnya berkaitan dengan pemberi maklumat itu.

#### **Kesalahan oleh kumpulan orang, dan oleh pengkhidmat-pengkhidmat dan ejen-ejen**

**32.** (1) Jika sesuatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh suatu syarikat, suatu firma, suatu pertubuhan, suatu persatuan atau kumpulan orang yang lain, mana-mana orang yang pada masa berlakunya kesalahan itu menjadi pengarah, pengurus, setiausaha atau lain-lain pegawai yang serupa bagi syarikat, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain itu, pekongsi atau pengurus firma itu atau, mana-mana orang lain yang berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat yang sedemikian atau, mana-mana orang yang mempunyai tanggungjawab atau kawalan ke atas syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain itu hendaklah disifatkan sebagai bersalah kerana melakukan kesalahan itu, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha untuk mengelakkan berlakunya kesalahan itu sebagaimana yang patut dijalankan olehnya, memandang kepada jenis fungsi-fungsinya atas sifat itu dan kepada segala hal keadaan.

(2) Jika mana-mana orang boleh dikenakan di bawah Akta ini apa-apa hukuman, penalti atau perlucuthakan kerana apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, maka dia boleh dikenakan hukuman, penalti atau

**AKTA ZON BEBAS**

perlucuthakan yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, atau keingkaran yang dilakukan oleh mana-mana kerani, pengkhidmat atau ejennya, atau oleh kerani atau pengkhidmat bagi ejen itu dengan syarat bahawa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan oleh kerani atau pengkhidmat itu dalam perjalanan pekerjaannya atau oleh ejen itu ketika bertindak bagi pihak orang itu atau oleh kerani atau pengkhidmat bagi ejen itu ketika bertindak dalam perjalanan pekerjaannya dalam hal keadaan di mana jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan oleh ejen itu, prinsipalnya akan bertanggung di bawah seksyen ini.

**Mengkompaun kesalahan**

**33.** (1) Mana-mana pegawai kanan kastam boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan menghendaki orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu membayar sejumlah wang tidak lebih daripada lima ribu ringgit.

(2) Apabila jumlah wang yang sedemikian dibayar —

- (a) orang yang dengan semunasabahnya disyaki telah melakukan suatu kesalahan, jika dia berada dalam jagaan, hendaklah dilepaskan dan tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang itu; dan
- (b) apa-apa harta yang telah disita hendaklah dilepaskan dan tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap harta itu kecuali jika harta yang disita itu terdiri daripada barang-barang yang pengimportannya ke dalam Malaysia dilarang secara mutlak atau bersyarat di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan tiada lesen import dikeluarkan, maka barang-barang itu atau amaun yang dicagarkan di bawah perenggan (a) atau (b) subseksyen (1) seksyen 27 atau amaun yang dihasilkan daripada jualan itu di bawah perenggan (c) subseksyen (1) seksyen 27, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dilucuthakkan.

**Perlindungan bagi Kerajaan daripada liabiliti**

**34.** Kerajaan atau Pihak Berkuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah tidak bertanggung untuk membayar apa-apa kerugian yang dialami berkenaan dengan apa-apa barang-barang kerana kebakaran, kecurian, kerosakan atau sebab-sebab lain semasa barang-barang itu berada di mana-mana gudang kastam atau dalam jagaan atau kawalan sah mana-mana pegawai kastam atau pekerja Pihak Berkuasa melainkan jika kerugian itu disebabkan oleh kecuaiian bersengaja, atau keingkaran seseorang pegawai kastam atau seseorang yang diambil kerja oleh Kerajaan atau Pihak Berkuasa.

## [Seksyen 35 – 39]

### *AKTA ZON BEBAS*

#### **Perlindungan bagi pegawai kastam daripada liabiliti**

**35.** Tiada seorang pegawai kastam pun atau orang lain yang diambil kerja oleh Kerajaan yang berkaitan dengan kastam boleh bertanggungjawab untuk membayar apa-apa kerugian yang dialami berkenaan dengan apa-apa barang-barang kerana, kebakaran, kecurian, kerosakan atau sebab-sebab lain semasa barang-barang itu berada di mana-mana gudang kastam atau dalam jagaan atau kawalan sah pegawai itu atau mana-mana pegawai kastam lain atau seorang yang di ambil kerja berhubungan dengan kastam melainkan jika kerugian itu disebabkan oleh kecuaiian bersengaja atau keingkarannya.

#### **Tiada kos atau ganti rugi boleh didapati melainkan penyitaan dibuat tanpa sebab yang munasabah atau sebab yang mungkin**

**36.** Tiada seorang pun dalam mana-mana prosiding di mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa barang-barang yang disita pada menjalankan atau berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberi di bawah Akta ini berhak terhadap kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain kecuali suatu perintah bagi pemulangan barang-barang itu atau pembayaran nilainya melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah atau sebab yang mungkin.

#### **Sabitkan di bawah undang-undang bertulis yang lain**

**37.** Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menghalang mana-mana orang daripada didakwa di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian, keingkaran yang menjadikan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, atau boleh dikenakan di bawah undang-undang bertulis lain apa-apa hukuman atau penalti yang lebih berat atau selain daripada yang diperuntukkan oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

#### **Barang-barang yang boleh dilucuthak**

**38.** Semua barang-barang yang disita di bawah Akta ini bolehlah dilucuthakkan.

#### **Mahkamah hendaklah memerintah perlucuthakan dan pelupusan barang-barang yang disita**

**39.** (1) Suatu perintah bagi melucuthakkan atau bagi melepaskan apa-apa benda yang boleh dilucuthak di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah dibuat oleh Mahkamah yang di hadapannya pendakwaan tentangnya telah diadakan, dan suatu perintah bagi melucuthak barang-barang itu hendaklah dibuat jika dibuktikan dengan memuaskannya hati Mahkamah bahawa suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan dan bahawa barang-barang itu adalah hal-perkara, atau digunakan dalam melakukan, kesalahan itu walaupun tiada seorang pun mungkin disabitkan atas kesalahan itu.

**AKTA ZON BEBAS**

- (2) Mahkamah hendaklah memerintah perlucuthakan —
- (a) dalam hal barang-barang yang dipulangkan di bawah perenggan (b) subseksyen (1) seksyen 27 dan kemudiannya dilupuskan oleh pemunya atau oleh orang yang kepadanya ia dipulangkan, amaun yang dicagarkan di bawah perenggan itu;
  - (b) dalam hal barang-barang yang dijual menurut perenggan (c) subseksyen (1) seksyen 25, amaun yang dihasilkan dari jualan itu,

jika ia dibuktikan dengan memuaskan hati Mahkamah bahawa suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan dan harta alih berkenaan dengan mana amaun itu dicagarkan atau dihasilkan oleh jualan, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah hal perkara atau digunakan dalam melakukan kesalahan itu walaupun tiada seorang pun mungkin disabitkan atas kesalahan itu.

- (3) Semua benda yang dilucuthak hendaklah diserahkan kepada pegawai kastam yang hak dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Ketua Pengarah.

**Barang-barang yang disita yang berkenaan dengannya tiada apa-apa pendakwaan**

**40.** (1) Jika tiada apa-apa pendakwaan dibuat berkenaan dengan apa-apa barang-barang yang disita dibawah Akta ini, barang-barang itu hendaklah diambil dan disifatkan sebagai terlucuthak apabila tamatnya satu bulan kalendar dari tarikh penyitaan melainkan jika suatu tuntutan terhadapnya dibuat sebelum tarikh tersebut mengikut cara yang dinyatakan kemudian daripada ini.

(2) Mana-mana orang yang mendakwa bahawa dia adalah pemunya barang-barang itu dan bahawa barang-barang itu tidak boleh dilucuthak boleh dengan sendiri atau melalui ejennya yang diberikuasa secara bertulis memberi notis bertulis kepada seorang pegawai kanan kastam menyatakan bahawa dia menuntut barang-barang itu.

(3) Atas penerimaan notis sedemikian pegawai kanan kastam itu hendaklah merujukkan tuntutan itu kepada Ketua Pengarah yang boleh mengarahkan supaya barang-barang itu dilepaskan atau boleh mengarahkan pegawai kanan kastam itu, melalui maklumat dalam borang yang ditetapkan, merujuk perkara itu kepada seorang Majistret Kelas Satu untuk keputusannya.

(4) Majistret Kelas Satu hendaklah mengeluarkan suatu saman menghendaki orang yang menyatakan bahawa dia adalah pemunya barang-barang itu dan orang daripadanya barang-barang itu telah disita supaya hadir di hadapannya, dan atas kehadiran atau keingkarannya mereka untuk hadir, penyampaian sempurna saman itu telah dibuktikan, Majistret itu hendaklah menjalankan pemeriksaan perkara itu dan, apabila dibukti bahawa suatu kesalahan terhadap Akta ini telah dilakukan

## [Seksyen 40 – 42A]

### *AKTA ZON BEBAS*

dan bahawa barang-barang itu telah menjadi hal-perkara, atau digunakan dalam melakukan kesalahan itu, hendaklah memerintahkan supaya barang-barang itu dilucuthak, atau boleh tanpa bukti sedemikian memerintahkan barang-barang itu dilepaskan.

#### **Barang-barang yang disita boleh diserahkan kepada pemunya atau orang lain**

**41.** (1) Menteri boleh, apabila permohonan bertulis dibuat kepadanya melalui Ketua Pengarah, memerintahkan apa-apa barang-barang yang disita di bawah Akta ini, sama ada dilucuthak, atau diambil dan disifatkan sebagai terlucuthak, supaya diserahkan kepada pemunya atau orang lain yang berhak terhadapnya, atas apa-apa terma dan syarat yang disifatkan patut:

Dengan syarat bahawa apa-apa permohonan sedemikian hendaklah dibuat sebelum tamatnya satu bulan kalendar dari tarikh perlucuthakkan barang-barang atau dari tarikh barang-barang itu diambil dan disifatkan sebagai terlucuthak, mengikut mana-mana yang berkenaan.

### **BAHAGIAN V PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PELBAGAI**

#### **Vesel berkaitan dengan zon bebas**

**42.** (1) Mana-mana vesel yang ditambat di sepanjang tepi dermaga sesuatu zon bebas hendaklah disifatkan sebagai berada dalam zon bebas itu.

(2) Apa-apa pemindahan dari kapal ke kapal dalam had-had pelabuhan zon bebas hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam zon itu.

#### **Pemindahan barang-barang ke dalam dan dari zon bebas melalui laut**

**42A.** (1) Tiada barang-barang boleh dibawa masuk ke, atau dimuatkan atau diangkut melalui air untuk dimuatkan bagi dibawa keluar dari, mana-mana zon bebas melalui laut —

- (a) kecuali di suatu tempat pendaratan yang sah di sisi undang-undang; dan
- (b) sehingga kebenaran untuk berbuat sedemikian telah diterima daripada pegawai Pihak Berkuasa yang hak.

(2) Kecuali dengan kebenaran pegawai Pihak Berkuasa yang hak, tiada barang-barang sedemikian, selepas didaratkan atau dipunggahkan, boleh dipindahkapalkan.

**AKTA ZON BEBAS**

**Pemindahan barang-barang ke dalam dan dari zon bebas melalui udara**

**42B.** Tiada barang-barang boleh dibawa masuk ke, atau dibawa keluar dari, mana-mana zon bebas melalui udara kecuali di suatu lapangan terbang kastam.

**Pemindahan barang-barang ke dalam dan dari zon bebas melalui jalan atau keretapi**

**42C.** Tiada barang-barang boleh dibawa masuk ke, atau dibawa keluar dari, mana-mana zon bebas melalui jalan atau keretapi kecuali di tempat import atau eksport yang ditetapkan dan, jika suatu laluan telah ditetapkan, melalui laluan itu.

**Pegawai kastam yang hak boleh mengambil sampel**

**43.** (1) Pegawai kastam yang hak boleh pada bila-bila masa mengambil sampel mana-mana barang-barang bagi menentukan sama ada barang-barang itu adalah jenis yang boleh dikenakan apa-apa duti kastam atau bagi menentukan duti kastam atas barang-barang itu apabila masuk ke dalam kawasan utama kastam atau bagi apa-apa maksud lain yang disifatkan perlu oleh pegawai kastam yang hak itu, dan sampel-sampel itu boleh dilupuskan mengikut cara yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Tiada apa-apa bayaran boleh dibuat bagi apa-apa sampel yang diambil tetapi pegawai kastam yang hak itu hendaklah memberi suatu resit bagi apa-apa sampel yang diambil.

**Pengkhidmat awam**

**44.** Anggota-anggota Pihak Berkuasa dan pekerja-pekerjanya dari apa-apa jawatan ketika menjalankan fungsi mereka atau menjalankan tugas mereka di bawah Akta ini hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan.

**Upah**

**45.** Ketua Pengarah boleh memerintahkan supaya apa-apa upah sebagaimana yang disifatkannya patut dibayar kepada mana-mana pegawai kastam atau orang lain bagi perkhidmatan yang diberi berhubungan dengan pengesanan kes-kes penyeludupan atau kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini, atau berhubungan dengan apa-apa penyitaan yang dibuat di bawah Akta ini.

**Rayuan atas keputusan Pihak Berkuasa atau Ketua Pengarah**

**46.** Jika diperuntukkan dalam Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya bahawa keputusan mengenai apa-apa perkara terserah kepada Pihak Berkuasa atau Ketua Pengarah, maka melainkan jika ia diperuntukkan dengan

## [Seksyen 46 – 51]

### **AKTA ZON BEBAS**

khususnya bahawa keputusan itu adalah menurut budi bicara mutlak Pihak Berkuasa atau Ketua Pengarah itu, mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu bolehlah merayu kepada Menteri.

#### **Kuasa membuat peraturan-peraturan**

47. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu atau suaimanfaat bagi memberi kesan kepada peruntukan-peruntukan Akta ini atau bagi melaksanakan maksud Akta ini.

#### **Kuasa untuk mewakili**

48. Menteri boleh berkenaan dengan sesuatu zon bebas, mewakilkan kepada mana-mana orang semua atau mana-mana kuasanya di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini, kecuali kuasa di bawah seksyen 10(2) dan seksyen 47.

### **BAHAGIAN VI PINDAAN-PINDAAN DAN PEMANSUHAN**

#### **Pindaan-pindaan dan pemansuhan**

49. (1) Akta-akta yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Ketiga adalah dimansuhkan atau dipinda sebagaimana yang berkenaan, setakat yang ditunjukkan dalam ruang kedua Jadual yang sama.

#### **Zon perdagangan bebas disifatkan sebagai zon perindustrian bebas**

50. Mana-mana zon perdagangan bebas yang diisytiharkan di bawah seksyen 3 Akta Zon Perdagangan Bebas 1971, dan yang masih berkuatkuasa sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah disifatkan sebagai zon perindustrian bebas yang diisytiharkan di bawah seksyen 3 Akta ini sehingga dibatalkan oleh Menteri.

#### **Menteri boleh membatalkan mana-mana pengisytiharan atau perintah**

51. Menteri boleh membatalkan mana-mana perisytiharan atau perintah yang dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang dimansuhkan oleh Akta ini berkenaan dengan mana-mana zon bebas:

Dengan syarat bahawa mana-mana perintah pembatalan yang dibuat di bawah seksyen ini, jika ia mempunyai kesan menghapuskan mana-mana zon bebas yang diisytiharkan itu, hendaklah membenarkan masa yang mencukupi bagi orang-orang dalam zon bebas yang terlibat secara langsung dengan perintah itu membuat persiapan bagi pelupusan barang-barang mereka.

## [Jadual Pertama]

### AKTA ZON BEBAS

#### JADUAL PERTAMA

[Seksyen 10(1)(a)]

(1)	(2)
Nama bagi Zon Perdagangan Bebas	Aktiviti-aktiviti
1. <i>Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru:</i>	Perdagangan
Semua tanah yang terletak dalam Mukim Plentong dalam Daerah Johor Bahru, yang dilingkungi dengan garisan tersebut yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 2233 dan 2234 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur Johor, tidak termasuk kawasan-kawasan yang dinyatakan di bawah ini:	
(i) Tanah yang diduduki oleh Felda Johore Bulkera Sdn. Bhd. di Lot 66228 dan 66229;	
(ii) Tanah yang diduduki oleh Petronas Dagangan Berhad di Lot 66226 dan 66227;	
(iii) Tanah yang diduduki oleh BP Malaysia Sdn. Bhd. di Lot 66221 dan 66222;	
(iv) Tangki No. 603 di premis Intercontinental Terminals (M) Sdn. Bhd. di Lot 66223;	
(v) Tangki No. 752 dan 1502 di premis Intercontinental Terminals (M) Sdn. Bhd. di Lot 66224; dan	
(vi) Kawasan Pemeriksaan Kastam seluas 0.459 hektar di Terminal Kontena di Lot 66208.	
(vii) Land (Lot A) in area of 1.909 hectare at Lot 66233 and land (Lot B) in area of 1.028 hectare at Lot 83274 as shown in the Gazette Plan PW 2282.	
2. <i>Kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubor:</i>	Perusahaan
Semua kawasan berpagar yang mengandungi Lot. No. 752 hingga 759, 761 hingga 784, kawasan kedai dan kawasan-kawasan yang lain di dalamnya, Mukim Pengkalan Kubor, dalam jajahan Tumpat, Kelantan.	
3. <i>Bukit Kayu Hitam:</i>	Perusahaan
Lot No. (Pt. 1443) Pekan Bukit Kayu Hitam, Mukim Sungai Laka, Daerah Kubang Pasu, Kedah.	

## [Jadual Pertama]

### AKTA ZON BEBAS

(1)

(2)

Nama bagi Zon Perdagangan Bebas      Aktiviti-aktiviti

4. *Mukim Kapar, Daerah Klang, Selangor:*      Perdagangan

Semua tanah yang terletak dalam Mukim Kapar, dalam Daerah Klang, Selangor yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan *Warta* 882 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Selangor tidak termasuk kawasan-kawasan yang dinyatakan di bawah ini;

- (i) tanah yang diduduki oleh Kedah Cement, Gold Coin Feedmill, Petronas Bukering Installation, BP Bulk Installation, KFC Feedmill, PKE Export Handling Terminal, Central Sugar, Pengkalan Export Perkayuan-Shapadu and Jetty Services;
- (ii) tanah-tanah yang diduduki oleh Tank No. 22 of Fima Unitank, Tank No. 1-20 and No. 22-47 of Fimaly Bulking Installation dan Tank No. 13-48 of Fima DEB;
- (iii) tanah yang diduduki oleh Klang Port Management Sdn. Bhd., terdiri daripada EXport Stacking Bay (6 blocks: TA-TG), Refers Stack (2 blocks: RA-RB), Customs Examination Bay (3 block: 1-3), Godown Q (an area 220' x 150'), Godown P (an area 600' x 150'), Open Yard P (an area 660' x 217'), Transit Shed No. 13 (an area 100' x 101'), Transit Shed No. 16 (an area 177' x 105'), Transit Shed No. 18 (an area 177' x 105') dan Dock Area (an area 700' x 105');
- (iv) tanah yang diduduki oleh Klang Container Terminal yang terdiri daripada Export Stack (Block B1-Rows B11 to B30, Slots 01 to 14) (Block B2-Rows B11 to B29, Slots 15 to 31) (Block C1-Rows C01 to C34 and C99, Slots 01 to 14) (Block C2-Rows 01 to C35, Slots 15 to 31) (Block F-Rows F16 to F25, Slots 01 to 11 Rows F01 to F15, Slots 01 to 03) (Block G-Rows 01 to G16, Slots 01 to 14) (Refer-Rows R01 to R52, Rows R59 to R87 Kawasan Pemeriksaan Kastam yang dilingkungi dengan garisan merah jambu yang ditunjukkan dalam Pelan *Warta* 882 di atas) (Rows E01 to E42 Slots 01 to 06) FS Stacking Area (Rows 01 to 06 Slots 16 to 62) dan Container Freight Station (area=2,973 sq. m); dan
- (v) tanah yang diduduki oleh Port Klang Distribution Park Sdn. Bhd., terdiri daripada Customs Holding Area (area=20,000 sq. ft.).

## [Jadual Pertama]

### AKTA ZON BEBAS

(1)	(2)
Nama bagi Zon Perdagangan Bebas	Aktiviti-aktiviti
5. <i>Pelabuhan Barat, Pulau Indah, Mukim Kelang, Daerah Klang:</i>	Perdagangan
Semua tanah yang terletak dalam Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 1174 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Selangor.	
6. <i>Dermaga Air Dalam, Seksyen 4, bandar Butterworth, Daerah Utara, Seberang Perai:</i>	Perdagangan
Semua tanah yang terletak di Seksyen 4, bandar Butterworth, Daerah Utara, Seberang Perai yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 573 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang, tidak termasuk kawasan yang dinyatakan di bawah ini:	
(i) Tanah yang diduduki oleh Penang Port Sdn. Bhd. yang terdiri daripada:	
(a) Gudang W2;	
(b) Blok Eksport (Blok A-D: Slot No. 1-45) (Blok E-H: Slot No. 1-23); dan	
(c) Bay Pemeriksaan Kastam untuk kontena (di antara Blok D dan landasan keretapi);	
(ii) Tanah yang diduduki oleh Malaysia Agricultural Oil Sdn. Bhd. bagi Tangki No. 1-6;	
(iii) Tanah yang diduduki oleh Butterworth Installation bagi Tangki No. 1-13;	
(iv) Tanah yang diduduki oleh FIMA Palm Bulk Services Sdn. Bhd. bagi Tangki No. 1-37;	
(v) Tanah yang diduduki oleh Palm Co. Holding Bhd. bagi Tangki No. 1-4 dan Tangki No. 6-9; dan	
(vi) Tanah yang diduduki oleh Kedah Oil Palm Bulking Installation bagi Tangki No. 1-16;	
7. <i>Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang—</i>	Perdagangan
Semua tanah yang terletak dalam Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang yang dilingkungi dengan garisan kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 495 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Pulau Pinang.	

## [Jadual Pertama]

### AKTA ZON BEBAS

(1)	(2)
Nama bagi Zon Perdagangan Bebas	Aktiviti-aktiviti
8. <i>Pekan Bukit Kayu Hitam dan Mukim Sungai Laka, Daerah Kubang Pasu, Kedah—</i>  Semua tanah yang terletak dalam Pekan Bukit Kayu Hitam dan Mukim Sungai Laka, Daerah Kubang Pasu yang dilingkungi dengan garisan kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 1385 yang disimpan di Pejabat Ukur Kedah.	Perdagangan
9. <i>Kawasan Bebas Cukai Stulang Laut, Johor Bahru:</i>  Semua tanah di dalam kawasan berpagar yang mengandungi Lot PTB 10707 dan PTB 20006 (kecuali Pejabat Kastam dan Kawasan Pemeriksaan Kastam), Mukim Bandar, dalam Daerah Johor Bahru, Lot PTD 146378 dan PTD 148062, Mukim Plentong, dalam Daerah Johor Bahru, jeti di Lot PTB 20380 dan tanah di Lot PTB 20438 (termasuk restoran terapung), Mukim Bandar, dalam Daerah Johor Bahru, Johor.	Perdagangan
10. <i>Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang—</i>  Semua tanah yang terletak dalam Kawasan Bandar Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang, Daerah Sepang yang dilingkungi dengan garisan kelabu seperti yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 1207 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Negeri Selangor.	Perdagangan
11. <i>Tanjung Pelepas, Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor (Fasa 1);</i>  (Sebahagian Lot PTD 2423) Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor, sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan kelabu dalam Pelan <i>Warta</i> 2749 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Johor.	Perdagangan
12. <i>Pulau Layang-Layang</i>  All areas of Pulau Layang-Layang comprising an area of 10.1 km <sup>2</sup> located at Latitude N 07° x 22.5' Longitude E 113° x 48.8' in the South China Sea within the Continental Platform of Malaysia.	Perdagangan
13. <i>Mukim Rantau Panjang, Jajahan Pasir Mas, Kelantan:</i>  Semua tanah yang terletak di dalam Mukim Rantau Panjang, Jajahan Pasir Mas, Kelantan yang dilingkungi oleh garisan kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 705 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Kelantan, tidak termasuk kawasan yang dinyatakan di bawah:	Perdagangan

## [Jadual Pertama]

### AKTA ZON BEBAS

(1)	(2)
Nama bagi Zon Perdagangan Bebas	Aktiviti-aktiviti
(i) Pejabat Kastam dan Kawasan Pemeriksaan Kastam; dan	
(ii) tanah yang diduduki oleh Pos Malaysia Berhad, Rantau Panjang.	
14. <i>Lot 1993 Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang:</i>	Perdagangan
Kompleks Gudang Agen Penghantaran Kargo Udara, Lapangan Terbang Antarabangsa yang terletak di sebahagian daripada Lot 1993 Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang yang dilingkungi oleh garisan kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan Warta 730 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang.	
15. <i>South Point, Pelabuhan Klang, Port Swettenham Daerah Klang, Selangor.</i>	Perdagangan
South Point, Pelabuhan Klang, Port Swettenham Daerah Klang, Negeri Selangor sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan tebal dalam pelan Warta 1382 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor.	
16. <i>Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor:</i>	Perdagangan
(Lot 67894) Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor, sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan kelabu dalam Pelan Warta 1388 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor.	
17. <i>MILS Logistik Hub (MLH), Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor:</i>	Perdagangan
(Sebahagian lot 88077 seluas 13.359 hektar) Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor, sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan kelabu dalam Pelan Warta 1451 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor.	

## [Jadual Kedua]

### AKTA ZON BEBAS

#### JADUAL KEDUA

[Seksyen 10(1)(b)]

(1)	(2)
Nama bagi Zon Perdagangan Bebas	Aktiviti-aktiviti
1. <i>Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru:</i>  Semua tanah yang terletak dalam Mukim Pelentong dalam Daerah Johor Bahru, yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 2235 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Johor.	Pengilangan
2. <i>Mukim Pringgit, Daerah Tengah, Melaka:</i>  Semua tanah yang terletak dalam Mukim Pringgit, Daerah Tengah Melaka, yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> PG 109 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Melaka.	Pengilangan
3. <i>Tanjung Kling, Mukim Tanjung Kling, Daerah Tengah, Melaka:</i>  Semua tanah yang terletak di Tanjung Kling, dalam Mukim Tanjung Kling, Daerah Tengah Melaka, yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 429 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Melaka.	Pengilangan
4. <i>Mukim Pringgit dan Bukit Baru, Daerah Tengah, Melaka:</i>  Semua tanah yang terletak dalam Mukim Pringgit dan Bukit Baru, Daerah Tengah Melaka, yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> PG 108 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Melaka.	Pengilangan
5. <i>Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta, Perak:</i>  Semua tanah yang terletak dalam Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta, yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 870 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Perak.	Pengilangan
6. <i>Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat, Selangor:</i>  Semua tanah yang terletak dalam Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat, Selangor, yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 460 dan Pelan <i>Warta</i> 1269 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Selangor.	Pengilangan

## [Jadual Kedua]

### AKTA ZON BEBAS

(1)	(2)
Nama bagi Zon Perdagangan Bebas	Aktiviti-aktiviti
7. <i>Mukim Ulu Klang, Daerah Gombak, Selangor:</i>  Semua tanah yang terletak dalam Mukim Ulu Klang, Daerah Gombak, Selangor yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 439 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Selangor.	Pengilangan
8. <i>Mukim Damansara, Daerah Klang, Selangor:</i>  Semua tanah yang terletak dalam Mukim Damansara, Daerah Klang, Selangor yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 375 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Selangor.	Pengilangan
9. <i>Prai, Daerah Tengah Seberang Prai, Mukim 1, Pulau Pinang:</i>  Semua tanah yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 290 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang.	Pengilangan
10. <i>Bayan Lepas, Daerah Barat Daya, Mukim 12, Pulau Pinang:</i>  (i) Semua tanah yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 138 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang.  (ii) Semua tanah yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 281 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang.  (iii) Semua tanah yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 289 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang.	Pengilangan
11. <i>Batu Berendam, Mukim Bachang, Daerah Tengah Melaka:</i>  Semua tanah yang terletak di Batu Berendam, dalam Mukim Bachang, Daerah Tengah Melaka, yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 294 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Melaka.	Pengilangan

## [Jadual Kedua]

### AKTA ZON BEBAS

(1)	(2)
Nama bagi Zon Perdagangan Bebas	Aktiviti-aktiviti
12. <i>Kinta, Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta, Perak:</i>  Semua tanah yang terletak di Kinta, dalam Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta, Perak yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 949 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Perak.	Pengilangan
13. <i>(Dibatalkan oleh P.U. (B) 55/2001).</i>	
14. <i>Sama Jaya Kuching, Sarawak:</i>  Semua tanah yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan No. MPI/30-51 dan MPI/30-62(B) yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Sarawak.	Pengilangan
15. <i>Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor:</i>  (Lot 67894) Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor, sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan kelabu dalam Pelan <i>Warta</i> 1388 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor.	Pengilangan
16. <i>Tanjung Pelepas, Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor (Fasa I):</i>  (Sebahagian Lot PTD 2423) Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor, sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan kelabu dalam Pelan <i>Warta</i> 2751 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Johor.	Pengilangan
17. <i>Tanjung Pelepas, Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor (Fasa II):</i>  (Lot PTD 2426) Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor, sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan kelabu dalam Pelan <i>Warta</i> 2752 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Johor.	Pengilangan
18. <i>Tanjung Pelepas, Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor (Fasa II):</i>  (Lot PTD 1586 dan PTD 1731) Mukim Serkat, Daerah Pontian, Johor, sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan kelabu dalam Pelan <i>Warta</i> 2750 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Johor.	Pengilangan

## [Jadual Ketiga]

### AKTA ZON BEBAS

#### JADUAL KETIGA

(Seksyen 49)

#### PINDAAN DAN PEMANSUHAN

(1) Akta	(2) Pindaan
Akta Kastam 1967	<p>Seksyen 2 adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1A) dengan subseksyen (1A) baru yang berikut:</p> <p>“(1A) For the purposes of this Act (other than section 31), a free zone shall be deemed to be a place outside Malaysia.</p> <p>In this subsection the expression “free zone” has the meaning assigned to it under section 2 of the Free Zone Act 1990.”.</p>
Akta Eksais 1976	<p>Subseksyen (1) seksyen 2 adalah dipinda dengan menggantikan takrif “zon perdagangan bebas” dengan takrif baru yang berikut:</p> <p>“ “zon bebas” mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Zon Bebas 1990, dan bagi maksud-maksud Akta ini suatu zon bebas hendaklah disifatkan sebagai suatu tempat di luar Malaysia;”.</p>
Akta Cukai Jualan 1972	<p>Seksyen 2A adalah dipinda dengan menggantikannya dengan seksyen 2A baru yang berikut:</p> <p>“2A. Bagi maksud-maksud Akta ini, sesuatu zon bebas hendaklah disifatkan sebagai sesuatu tempat di luar Malaysia.</p> <p>Dalam seksyen ini, ungkapan “zon bebas” mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Zon Bebas 1990.”.</p>
Akta Cukai Perkhidmatan 1975	<p>Memasukkan selepas sahaja seksyen 2, seksyen 2A baru yang berikut:</p> <p>“2A. Bagi maksud-maksud Akta ini, sesuatu zon bebas hendaklah disifatkan sebagai sesuatu tempat di luar Malaysia.</p> <p>Dalam seksyen ini, ungkapan “zon bebas” mempunyai pengertian yang sama dengan pengertian yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Zon Bebas 1990.”.</p>
Akta Penggalakan Pelaburan 1986	<p>(a) Subseksyen (5) seksyen 36 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “Zon Perdagangan Bebas” dengan perkataan-perkataan “Zon Perindustrian Bebas” yang terdapat dalamnya.</p> <p>(b) subseksyen (3) seksyen 36A adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “Zon Perdagangan Bebas” bagi perkataan-perkataan “Zon Perindustrian Bebas” yang terdapat dalamnya.</p>
Akta Zon Perdagangan Bebas 1971	<p>Dimansuhkan keseluruhannya.</p>

## [Susunan Peraturan]

### PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS

---

#### SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

---

##### **BAHAGIAN I PERMULAAN**

Peraturan

1. Nama dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

##### **BAHAGIAN II PENTADBIRAN**

3. Pihak Berkuasa mendirikan pagar perimeter atau tembok.
4. Sekatan atas kemasukan ke dalam dan keluar dari, zon bebas.
5. Permohonan untuk mendapatkan kelulusan mengendali dalam zon bebas.
6. Kehendak bagi mematuhi undang-undang bertulis.
7. Kebenaran untuk mendirikan bangunan atau binaan atau memegang pajakan dan penyewaan dalam zon bebas.
8. Pihak Berkuasa boleh menandakan kawasan untuk aktiviti yang berlainan dalam zon bebas.
- 8A. Pihak berkuasa boleh mengenakan caj zon bebas.
- 8B. Tanggungjawab bagi keselamatan barang-barang.
9. Waktu berurusan Pihak Berkuasa dalam zon bebas.

##### **BAHAGIAN III PENGENDALIAN BARANG-BARANG**

10. Memuat dan memunggah barang-barang dalam zon bebas.
11. Waktu pergerakan barang-barang antara kawasan utama kastam dan zon bebas.
12. Pihak Berkuasa boleh memerintah barang-barang dipindahkan atau disingkirkan dari atau diberhentikan aktiviti dalam zon bebas.
13. Pihak Berkuasa menyimpan atau menyenggara rekod-rekod yang sepatutnya.
14. Pihak Berkuasa boleh menghendaki operator mengadakan storan atau langkah-langkah keselamatan bagi barang-barang, dsb.
15. Operator menyenggarakan rekod aktiviti.
16. Barang-barang tidak boleh dimusnahkan tanpa kelulusan.
17. Galakan kesihatan awam.

## [Susunan Peraturan]

### *PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS*

#### Peraturan

18. Pengemukaan manifes.
19. Pengemukaan penyata diperakui selepas pemunggahan kargo.
20. Pengimbangan manifes.
21. Barang-barang memasuki zon bebas dari luar Malaysia.
22. Barang-barang yang keluar dari zon bebas untuk dieksport ke negara-negara di luar Malaysia.
23. Barang-barang dipindahkapal di zon bebas.
24. Barang-barang memasuki zon bebas dari kawasan utama kastam dan sebaliknya.
25. Import dan eksport barang-barang melalui zon bebas.
26. Pemindahan barang-barang duti berbayar dari zon bebas ke kawasan utama kastam.
27. Pemindahan barang-barang dari zon bebas untuk eksport.
28. Pemindahan barang-barang dari gudang berlesen dsb., ke zon bebas dan sebaliknya.
29. Pemindahan barang-barang berduti tanpa permit adalah dilarang.
30. Barang-barang larangan tidak boleh dibawa ke dalam atau dipindahkapalkan di, zon bebas.
31. Tak terpakainya peraturan-peraturan 21 dan 22 dalam hal keadaan tertentu.

#### **BAHAGIAN IV**

#### **PELBAGAI**

32. Ketua Pengarah boleh memberi pengecualian.
- 32A. Penyerahan elektronik.
33. Pelanggaran adalah suatu kesalahan.
34. Pelupusan barang-barang yang ditinggalkan atau tidak diisytiharkan.
35. Pemansuhan.
36. Peruntukan-peruntukan peralihan.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

JADUAL KETIGA.

## [Peraturan 1 – 2]

### PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 47 Akta Zon Bebas 1990, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

[ 5 September 1991 ]

#### BAHAGIAN I PERMULAAN

##### Nama dan mula berkuatkuasa

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Zon Bebas 1991 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 5hb September 1991.

##### Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“ejen” ertinya mana-mana orang yang dibenarkan untuk bertindak sebagai ejen di bawah seksyen 90 Akta Kastam 1967;

“hari kelepasan am” ertinya suatu hari kelepasan am sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 3 Akta Hari Kelepasan 1951;

“hari kelepasan mingguan ” ertinya —

(a) di negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan: hari Ahad;

(a) di negeri Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu: hari Jumaat;

“hari kerja sepenuh masa” ertinya mana-mana hari yang bukan hari kelepasan mingguan, hari kerja setengah masa atau hari kelepasan am;

“hari kerja setengah masa ” ertinya hari sebelum sahaja hari kelepasan mingguan;

“lapangan terbang kastam” hendaklah mempunyai pengertian yang sama seperti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2(1) Akta Kastam 1967;

“operator” ertinya mana-mana orang yang telah diberi kelulusan di bawah peraturan 5 untuk menjalankan aktiviti dalam suatu zon bebas dan termasuklah seorang pengeksport atau seorang pengimport;

## **[Peraturan 2 – 3]**

### ***PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS***

“pegawai Pihak Berkuasa yang hak” ertinya mana-mana pegawai Pihak Berkuasa yang bertindak dalam melaksanakan tugas-tugasnya di bawah Akta ini, sama ada tugas-tugas itu diberi kepadanya secara khas atau am, atau secara nyata atau tersirat;

“pelabuhan kastam” hendaklah mempunyai pengertian yang sama seperti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2(1) Akta Kastam 1967;

“pengangkutan” hendaklah mempunyai pengertian yang sama seperti yang diberikan kepadanya di bawah peraturan 2 Peraturan-Peraturan Kastam 1977;

“pesawat tempatan” hendaklah mempunyai pengertian yang sama seperti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2(1) Akta Kastam 1967;

“pindahkapal” ertinya memindahkan barang-barang dari satu vesel atau pesawat udara ke vesel atau pesawat udara yang lain, atau memunggah barang-barang dari satu vesel atau pesawat udara dan meletakkan barang-barang itu dalam jagaan Pihak Berkuasa bagi maksud dikapalkan keluar dari Malaysia atas vesel atau pesawat udara yang lain, dalam zon bebas yang sama;

“wilayah” hendaklah mempunyai pengertian yang sama seperti yang diberikan kepadanya di bawah peraturan 2 Peraturan-Peraturan Kastam 1977.

### **BAHAGIAN II PENTADBIRAN**

#### **Pihak Berkuasa mendirikan pagar perimeter atau tembok**

3. (1) Bagi maksud —

- (a) mengasingkan suatu zon bebas dari suatu kawasan utama kastam; dan
- (b) perlindungan hasil,

Pihak Berkuasa hendaklah, kecuali diarahkan selainnya oleh Ketua Pengarah, mendirikan dan menyenggarakan dua pagar perimeter yang selarian atau tembok di sepanjang sempadan suatu zon bebas dengan mengadakan tempat keluar dan masuk bagi pergerakan orang-orang, kenderaan vesel dan barang-barang, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang masuk atau keluar dari zon bebas.

(2) Pihak Berkuasa hendaklah menerangi —

- (a) pagar perimeter atau tembok yang didirikan di bawah subperaturan (1);
- (b) tempat keluar dan masuk di pagar perimeter atau tembok; dan

## [Peraturan 3 – 5]

### **PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS**

(c) kawasan di sepanjang perimeter zon bebas,

dari pukul 6.30 petang pada setiap hari hingga pukul 7.30 pagi pada hari yang berikutnya dan pada bila-bila masa sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah.

#### **Sekatan atas kemasukan ke dalam dan keluar dari, zon bebas**

4. (1) Kecuali dibenarkan selainnya oleh Pihak Berkuasa —

- (a) tiada seorang pun boleh masuk atau keluar dari suatu zon bebas;
- (b) tiada barang-barang boleh dibawa ke dalam, atau di bawa keluar dari, suatu zon bebas.

(2) Tertakluk kepada subperaturan (4), perenggan (a) subperaturan (1) tidaklah terpakai bagi kawasan zon bebas Pengkalan Kubor dalam daerah Tumpat, Kelantan, Stulang Laut dalam daerah Johor Bahru, Johor, Bukit Kayu Hitam dalam daerah Kubang Pasu, Kedah dan Mukim Rantau Panjang, Jajahan Pasir Mas, Kelantan.

(3) Pihak Berkuasa boleh, selepas berunding dengan Ketua Pengarah, memberi kebenarannya di bawah peraturan ini mengikut apa-apa bentuk dan cara yang difikirkannya suaimanfaat dan sesuai mengikut hal keadaan kes.

(4) Jika akses kepada suatu zon bebas adalah terhad Pihak Berkuasa hendaklah menunjukkan di tiap-tiap tempat masuk zon akan had-had dan syarat-syarat kemasukan; dan mana-mana orang yang memasuki zon itu hendaklah mematuhi had-had dan syarat-syarat yang dinyatakan sedemikian.

#### **Permohonan untuk mendapatkan kelulusan mengendali dalam zon bebas**

5. (1) Mana-mana orang yang ingin menjalankan apa-apa aktiviti dalam sesuatu zon bebas hendaklah memohon secara bertulis kepada Pihak Berkuasa untuk mendapatkan kelulusan dengan menggunakan suatu borang seperti dalam Borang FZ No. 4 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama; dan Pihak Berkuasa itu boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(2) Kelulusan yang diberi di bawah peraturan ini hendaklah seperti dalam Borang FZ No. 6 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan boleh tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang disifatkan oleh Pihak Berkuasa perlu dikenakan; dan suatu salinan kelulusan yang diberikan itu hendaklah dilanjutkan kepada Ketua Pengarah.

(3) Tertakluk kepada seksyen 16 Akta ini, Pihak Berkuasa boleh, selepas berunding dengan Ketua Pengarah, membatalkan kelulusan yang diberi di bawah peraturan ini.

## [Peraturan 6 – 7]

### **PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS**

#### **Kehendak bagi mematuhi undang-undang bertulis**

6. Mana-mana orang yang bercadang untuk menjalankan apa-apa aktiviti dalam suatu zon bebas hendaklah mematuhi kesemua kehendak-kehendak mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan aktiviti itu.

#### **Kebeheraan untuk mendirikan bangunan atau binaan atau memegang pajakan dan penyewaan dalam zon bebas**

7. (1) Tiada seorang pun boleh —

- (a) mendirikan apa-apa bangunan atau lain-lain binaan; atau
- (b) memegang apa-apa penyewaan atau pajakan apa-apa harta alih atau harta tak alih;

dalam suatu zon bebas bagi maksud menjalankan apa-apa aktiviti perdagangan atau pengilangan dan pengendalian-pengendalian yang berkaitan dengannya dalam zon itu, kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa.

(2) Seseorang boleh memohon untuk mendapatkan kebenaran yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) dengan membuat suatu permohonan kepada Pihak Berkuasa seperti dalam Borang FZ No. 5 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(3) Selepas menerima suatu permohonan di bawah subperaturan (2) Pihak Berkuasa boleh memberi atau enggan memberi kebenaran itu.

(4) Tanpa menjejaskan subperaturan (3) Pihak Berkuasa boleh, sebelum memberi atau enggan memberi kebenarannya di bawah subperaturan (2), melakukan yang berikut:

- (a) memeriksa —
  - (i) kawasan di mana bangunan atau lain-lain binaan dicadangkan untuk didirikan;
  - (ii) tempat atau premis yang berkenaan dengannya sesuatu penyewaan atau pajakan adalah dicadangkan;
  - (iii) tempat atau premis di mana aktiviti-aktiviti akan dijalankan;
- (b) menghendaki pemohon mengemukakan suatu pelan kawasan atau bangunan;

## [Peraturan 7]

### *PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS*

- (c) menghendaki pemohon membuat perubahan kepada apa-apa pelan mana-mana bangunan atau binaan yang dikemukakan bersama permohonan supaya mematuhi apa-apa undang-undang bertulis berhubung dengan bangunan atau binaan dalam zon bebas itu.
- (5) Kebenaran yang diberikan di bawah peraturan ini hendaklah —
  - (a) secara bertulis; dan
  - (b) seperti dalam Borang FZ No. 6 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama; dan boleh tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang disifatkan oleh Pihak Berkuasa perlu dikenakan; dan suatu salinan kebenaran yang diberikan hendaklah dilanjutkan kepada Ketua Pengarah.
- (6) Tiada perubahan atau tambahan boleh dibuat —
  - (a) kepada mana-mana bangunan atau binaan yang telah wujud dalam suatu zon bebas; atau
  - (b) kepada mana-mana pelan sesuatu bangunan atau binaan yang dicadangkan untuk didirikan dalam zon bebas yang berkenaan dengannya suatu kebenaran di bawah subperaturan (4) telah diberikan,

tanpa kebenaran bertulis Pihak Berkuasa.

(7) Mana-mana orang yang terkilan dengan keengganan Pihak Berkuasa memberi apa-apa kebenaran yang dikehendaki di bawah peraturan ini boleh merayu kepada Menteri dalam masa 30 hari dari tarikh penolakan itu disampaikan kepadanya; dan keputusan Menteri adalah muktamad dan konklusif.

(8) Tiada apa-apa pun dalam peraturan ini boleh membenarkan Pihak Berkuasa membenarkan mana-mana bangunan atau binaan (kecuali bangunan atau binaan yang wujud telahpun wujud sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini) didirikan, dalam suatu zon bebas, kurang dari 6 meter dari perimeter zon itu.

(9) Suatu kebenaran yang diberikan di bawah peraturan ini kepada mana-mana orang tidaklah boleh melepaskan orang itu daripada mematuhi kehendak mana-mana undang-undang bertulis berkenaan dengan apa-apa yang dilakukan atau dicadangkan untuk dilakukan menurut kebenaran itu.

## [Peraturan 8 – 9]

### **PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS**

#### **Pihak Berkuasa boleh menandakan kawasan untuk aktiviti yang berlainan dalam zon bebas**

**8.** (1) Pihak Berkuasa boleh, selepas berunding dengan Ketua Pengarah, menandakan kawasan yang berlainan dalam suatu zon bebas untuk aktiviti yang berlainan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1) Pihak Berkuasa boleh, dengan kelulusan Ketua Pengarah, membenarkan aktiviti yang telah wujud dijalankan di, dari atau atas premisnya sekarang.

#### **Pihak Berkuasa boleh mengenakan caj zon bebas**

**8A.** (1) Jika Menteri mengarahkan sedemikian, suatu caj zon bebas hendaklah kena dibayar oleh mana-mana orang atau ejennya kepada Pihak Berkuasa berkenaan dengan tiap-tiap perisytiharan yang diluluskan yang dibuat di bawah peraturan 5, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27 dan 28.

(2) Apa-apa caj zon bebas yang tidak dibayar dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa, atau tertunggak hendaklah disifatkan sebagai suatu hutang sivil yang terhutang oleh orang itu atau ejennya kepada Pihak Berkuasa dan Pihak Berkuasa boleh menggunakan apa-apa cara di bawah undang-undang untuk mendapatkan hutang itu.

#### **Tanggungjawab bagi keselamatan barang-barang**

**8B.** Tiap-tiap orang atau ejennya hendaklah bertanggungjawab bagi keselamatan barang-barang dalam jagaan atau kawalannya di dalam suatu zon bebas.

#### **Waktu berurusan Pihak Berkuasa dalam zon bebas**

**9.** (i) Pihak Berkuasa —

(A) dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 4.00 petang pada tiap-tiap hari kerja sepenuh masa; dan

(B) dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 12.15 tengahari pada tiap-tiap hari kerja setengah masa.

(ii) Pejabat Kastam hendaklah dibuka untuk berurusan dengan awam sepanjang masa dan pada tiap-tiap hari.

(2) Pejabat Pihak Berkuasa dalam suatu zon bebas hendaklah ditutup —

(a) pada hari kelepasan mingguan;

(b) pada hari kelepasan am;

## [Peraturan 9 – 11]

### **PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS**

- (c) dikenakan dengan suatu zon bebas dalam sesuatu Negeri, pada hari kelepasan am negeri yang ditetapkan di bawah seksyen 9(1) Akta Hari Kelepasan 1951; dan
- (d) dikenakan dengan suatu zon bebas dalam sesuatu Wilayah Persekutuan, pada hari kelepasan am Wilayah Persekutuan yang ditetapkan di bawah seksyen 9(2) Akta Hari Kelepasan 1951,

dan jika hari kelepasan am jatuh pada sesuatu hari kelepasan mingguan di mana-mana Negeri atau Wilayah Persekutuan, pejabat itu hendaklah ditutup pada hari berikutnya dan jika hari itu adalah hari kelepasan am, maka pejabat itu hendaklah ditutup pada hari berikutnya.

### **BAHAGIAN III PENGENDALIAN BARANG-BARANG**

#### **Memuat dan memunggah barang-barang dalam zon bebas**

**10.** (1) Tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini barang-barang boleh —

- (a) dimuatkan ke atas, atau dipunggah dari, sesuatu kenderaan atau vesel dalam suatu zon bebas; atau
- (b) dikapalkan, tidak dikapalkan atau diangkut melalui air untuk dikapalkan dari suatu zon bebas,

pada bila-bila masa dan mana-mana hari.

#### **Waktu pergerakan barang-barang antara kawasan utama kastam dan zon bebas**

**11.** (1) Pergerakan barang-barang antara suatu kawasan utama kastam dan suatu zon bebas hendaklah dibenarkan pada bila-bila masa dan pada tiap-tiap hari.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh mengarah Pihak Berkuasa untuk mengubah waktu bermula dan tamatnya pergerakan barang-barang berkenaan dengan mana-mana zon bebas yang tertentu ke sesuatu masa sebagaimana yang Ketua Pengarah boleh nyatakan dalam arahnya.

(3) Mana-mana operator boleh memohon secara bertulis kepada pegawai Pihak Berkuasa yang hak untuk mendapatkan masa sebagaimana yang dinyatakan menurut arahan Ketua Pengarah di bawah di subperaturan (2).

(4) Sesuatu permohonan di bawah subperaturan (3) hendaklah diserahkan dan pegawai Pihak Berkuasa boleh —

- (a) meluluskan permohonan itu; atau

## [Peraturan 11 – 12]

### *PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS*

- (b) menolak permohonan itu atas sebab bahawa dalam hal keadaan kes adalah tidak mungkin permohonan itu diluluskan.

#### **Pihak Berkuasa boleh memerintah barang-barang dipindahkan atau disingkirkan dari atau diberhentikan aktiviti dalam zon bebas**

#### **12. Jika seseorang —**

- (a) telah membawa atau bercadang untuk membawa, apa-apa barang ke dalam suatu zon bebas; atau
- (b) sedang menjalankan, atau bercadang untuk menjalankan, apa-apa aktiviti atau pengendalian dalam suatu zon bebas,

yang pada pendapat Pihak Berkuasa adalah merbahaya atau mudarat kepada kepentingan, kesihatan atau keselamatan awam, Pihak Berkuasa boleh memberi suatu perintah secara bertulis kepada orang itu —

- (i) berkenaan dengan barang-barang yang telah dibawa ke dalam zon bebas, supaya memindah barang-barang itu dari zon bebas;
- (ii) berkenaan dengan barang-barang yang dicadangkan untuk dibawa ke dalam zon bebas, supaya menyingkir barang-barang itu dari zon bebas;
- (iii) berkenaan dengan mana-mana aktiviti atau pengendalian yang sedang dijalankan dalam zon bebas, supaya memberhentikan aktiviti atau pengendalian-pengendalian itu; atau
- (iv) berkenaan dengan mana-mana aktiviti atau pengendalian yang dicadangkan untuk dijalankan dalam zon bebas, supaya memasukkan aktiviti atau pengendalian-pengendalian itu ke dalam zon bebas.

#### **(2) Apa-apa perintah yang diberikan di bawah subperaturan (1) —**

- (a) berkenaan dengan perenggan (i) atau (ii), hendaklah berkuatkuasa sebaik sahaja pada tarikh perintah itu disampaikan kepada orang itu;
- (b) berkenaan dengan perenggan (iii) atau (iv), hendaklah berkuatkuasa hanya selepas penentuan apa-apa rayuan, jika ada, yang memihak kepada Pihak Berkuasa.

(3) Pihak Berkuasa hendaklah memberitahu Ketua Pengarah mengenai apa-apa pemberhentian mana-mana aktiviti atau pengendalian menurut peraturan ini.

## [Peraturan 13]

### *PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS*

#### **Pihak Berkuasa menyimpan atau menyenggara rekod-rekod yang sepatutnya**

**13.** (1) Pihak Berkuasa hendaklah menyimpan dan menyenggara akaun dan rekod-rekod yang sepatutnya —

- (a) mengenai segala wang yang diterima oleh atau dibayar kepada Pihak Berkuasa; dan
- (b) mengenai segala aset dan liabilitinya,

berkenaan dengan segala aktiviti dan pengendaliannya; dan akaun dan rekod-rekod itu hendaklah, pada setiap masa yang berpatutan, dibuka untuk pemeriksaan seorang juruaudit yang dilantik oleh Menteri bagi maksud itu.

(2) Buku-buku akaun hendaklah disimpan di ibu pejabat Pihak Berkuasa.

(3) Pihak Berkuasa hendaklah, dalam masa 6 bulan selepas tamatnya tahun kewangan —

- (a) menghantar suatu salinan penyata akaun yang telah diaudit bersama-sama dengan apa-apa laporan atau pemerhatian yang dibuat oleh juruaudit atas penyata tersebut; dan
- (b) menghantar suatu salinan laporan secara am mengenai aktiviti dan polisinya,

kepada Menteri berkenaan dengan tahun kewangan itu.

(4) Pihak Berkuasa hendaklah —

- (a) tidak lewat dari 3 bulan sebelum bermulanya tahun kewangan, mengemukakan anggaran dan hasil tahunan kepada Menteri untuk kelulusan bagi tahun kewangan itu;
- (b) memberi kepada Menteri penyata kewangan dan perangkaan atau apa-apa laporan lain mengenai kedudukan kewangan Pihak Berkuasa sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(5) Pihak Berkuasa boleh, pada bila-bila masa dalam tahun yang baginya anggaran-anggaran telah diluluskan di bawah superaturan (4)(a), mengemukakan anggaran tambahan kepada Menteri untuk kelulusannya.

## [Peraturan 14 – 15]

### **PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS**

#### **Pihak Berkuasa boleh menghendaki operator mengadakan storan atau langkah-langkah keselamatan bagi barang-barang, dsb.**

**14.** (1) Pihak Berkuasa boleh, selepas berunding dengan Ketua Pengarah, menghendaki seorang operator yang menjalankan aktiviti pengilang dan pengendalian-pengendalian yang berkaitan dengannya dalam zon bebas —

- (a) mengadakan —
  - (i) ruang storan berasingan bagi bahan-bahan mentah,
  - (ii) ruang storan berasingan bagi barang-barang siap,
  - (ii) ruang storan berasingan bagi barang-barang buangan,
- (b) mengadakan ruang storan berasingan bagi barang-barang merbahaya atau mudah terbakar dan memastikan langkah-langkah keselamatan yang cukup diambil berhubung dengan barang-barang tersebut;
- (c) mengadakan tanda-tanda pengecaman barang-barang yang dimaksudkan bagi sesuatu aktiviti tertentu;
- (d) mematuhi apa-apa obligasi lain yang difikirkan oleh Pihak Berkuasa perlu dikenakan supaya dapat memastikan perlindungan yang cukup bagi hasil.

(2) Melainkan jika dikecualikan, seseorang operator hendaklah mematuhi segala arahan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa berkenaan dengan perkara-perkara yang dinyatakan dalam subperaturan (1).

#### **Operator menyenggarakan rekod aktiviti**

**15.** (1) Bagi maksud melindungi hasil dan apa-apa maksud lain yang disifatkan perlu dan suaimanfaat oleh Pihak Berkuasa untuk membolehkan sesuatu zon berfungsi dengan sepatutnya. Pihak Berkuasa boleh menghendaki seorang operator menyenggarakan rekod-rekod yang lengkap dan sepatutnya mengenai segala aktiviti yang dijalankan oleh operator dalam zon bebas.

(2) Suatu rekod yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah, *inter alia*, mengandungi butiran —

- (a) segala barang yang diterima di tempat atau dipremis di mana aktiviti dijalankan;

## [Peraturan 15 – 16]

### **PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS**

- (b) segala barang yang dibawa ke dalam mana-mana bahagian suatu kawasan utama kastam dari suatu zon bebas;
- (c) segala barang yang dilepaskan untuk penggunaan, jualan atau pengilangan dalam zon bebas, atau bagi eksport;
- (d) stok buangan dan cara pelupusannya;
- (e) kerugian oleh kerana tumpahan, cair wap dan sebab-sebab lain; dan
- (f) baki segala barang yang disimpan di tempat atau premis di mana aktiviti-aktiviti dijalankan.

(3) Apa-apa rekod yang dikehendaki disenggarakan menurut peraturan ini hendaklah, atas permintaan seorang pegawai kanan kastam atau pegawai Pihak Berkuasa yang hak, dikemukakan untuk pemeriksaan; dan tiada rekod sedemikian boleh dimusnahkan melainkan jika diluluskan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa selepas berunding dengan Ketua Pengarah.

(4) Seseorang operator hendaklah memberi kepada Pihak Berkuasa tidak lewat dari hari yang kesepuluh setiap bulan suatu penyata dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa dengan memberi butir mengenai perkara-perkara yang dinyatakan dalam perenggan (a) hingga (f) subperaturan (2) bagi bulan sebelumnya.

(5) Pihak Berkuasa boleh, selepas berunding dengan Ketua Pengarah, mengecualikan mana-mana orang dalam suatu zon bebas daripada mana-mana peruntukan peraturan ini.

#### **Barang-barang tidak boleh dimusnahkan tanpa kelulusan**

**16.** (1) Tiada operator boleh, melainkan jika ada dikecualikan di bawah Peraturan-peraturan ini, memusnahkan apa-apa barang-barang dalam mana-mana zon bebas, kecuali —

- (a) dengan kelulusan secara bertulis, dan
- (b) dengan kehadiran,

seorang pegawai Pihak Berkuasa yang hak.

(2) Kelulusan di bawah subperaturan (1) boleh didapati dengan memohon secara bertulis kepada seorang pegawai Pihak Berkuasa yang hak menyatakan jenis barang-barang yang hendak dimusnahkan, kuantitinya dan tarikh ia dicadangkan untuk dimusnahkan.

## [Peraturan 16 – 18]

### *PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS*

(3) Jika barang-barang dimusnahkan mengikut Peraturan-peraturan ini, pegawai Pihak Berkuasa yang hak yang hadir hendaklah mengeluarkan suatu perakuan dan disaksikan oleh pemunya barang-barang itu atau wakilnya memperakui bahawa barang-barang itu telah dimusnahkan; dan perakuan itu hendaklah disimpan sebagai suatu rekod oleh operator itu.

#### **Galakan kesihatan awam**

**17.** (1) Bagi maksud keselamatan atau galakan kesihatan awam dalam suatu zon bebas Pihak Berkuasa boleh —

- (a) mengadakan, menyenggarakan dan melaksanakan perkhidmatan kebersihan;
- (b) membina dan menyenggarakan jalan;
- (c) mengawalselia laluan trafik;
- (d) mengusahakan penanaman, pencantasan dan pembuangan pokok-pokok; dan
- (e) melakukan apa-apa perbuatan lain yang difikirkan sesuai dan suaimanfaat oleh Pihak Berkuasa,

dalam zon bebas.

(2) Pihak Berkuasa boleh, dalam menjalankan apa-apa fungsi atau perbuatan menurut subperaturan (1), mengeluarkan arahan-arahan kepada operator-operator dalam zon bebas dan arahan-arahan itu hendaklah dipatuhi.

#### **Pengemukakan manifes**

**18.** (1) Seseorang yang menjaga sesuatu pesawat udara atau vesel selain daripada pesawat tempatan, atau ejennya hendaklah, dalam masa 24 jam, atau suatu tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa, dari ketibaan atau sebelum pelepasan pesawat udara atau vesel itu di atau dari sesuatu pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam dalam suatu zon bebas, mengemukakan dalam empat salinan, dalam Bahasa Kebangsaan atau Inggeris, kepada pegawai Pihak Berkuasa yang hak —

- (a) dalam hal suatu vesel atau pesawat udara yang tiba di pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam, suatu manifes dalaman yang benar atau manifes, pindahkapal, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

## [Peraturan 18 – 20]

### **PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS**

(b) dalam hal suatu vesel atau pesawat udara yang keluar dari pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam, suatu manifes luaran yang benar atau manifes pindahkapal, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Manifes yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah mengandungi segala butir-butir mengenai tanda-tanda, nombor-nombor dan kandungan setiap bungkusan yang dicadangkan untuk didaratkan di, dieksport dari atau dipindahkapalkan di, pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam dalam zon bebas.

(3) Pegawai Pihak Berkuasa yang hak, hendaklah memberi, dalam dua salinan, kepada seorang pegawai kastam yang hak dalam zon bebas, manifes yang diterima menurut subperaturan (1).

#### **Pengemukakan penyata diperakui selepas pemunggahan kargo**

**19.** (1) Seseorang yang menjaga atau pesawat udara atau vesel yang memunggah kargonya dalam suatu zon bebas, atau seseorang ejen pesawat udara atau vesel tersebut, hendaklah, selepas selesai memunggah kargo itu, atau dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang dibenarkan oleh pegawai Pihak Berkuasa yang hak, mengemukakan kepada pegawai Pihak Berkuasa itu suatu penyata diperakui (dalam dua salinan) akan apa yang berlaku ke atas kargo itu.

(2) Pernyataan diperakui yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah menyenaraikan apa-apa perubahan kepada manifes yang disebut dalam peraturan 18 —

- (a) yang disebabkan oleh perkapalan yang singkat;
- (b) yang disebabkan oleh pendaratan yang singkat;
- (c) yang disebabkan oleh muatan yang berlebihan; atau
- (d) yang disebabkan oleh apa-apa sebab yang lain.

#### **Pengimbangan manifes**

**20.** (1) Pihak Berkuasa —

- (a) hendaklah bertanggungjawab memberi penjelasan mengenai barang-barang yang dibawa ke dalam atau dibawa keluar dari suatu zon bebas; dan
- (b) hendaklah bertanggungjawab mengimbangi apa-apa manifes dalaman atau luaran atau pindahkapal, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan barang-barang dalam pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam dalam suatu zon bebas.

## [Peraturan 20 – 22]

### ***PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS***

(2) Dalam hal perenggan (b), Pihak Berkuasa hendaklah mengemukakan keterangan sebagaimana dan apabila dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

#### **Barang-barang memasuki zon bebas dari luar Malaysia**

21. (1) Mana-mana orang yang membawa masuk apa-apa barang-barang dari luar Malaysia ke dalam suatu zon bebas, dia atau ejennya hendaklah mengemukakan kepada seorang pegawai Pihak Berkuasa yang hak di zon itu —

- (a) suatu perisytiharan seperti dalam borang FZ No. 1 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama; dan
- (b) apa-apa dokumen berhubung dengan barang-barang sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai Pihak Berkuasa yang hak.

(2) Perisytiharan dan dokumen yang disebut dalam perenggan (a) dan (b) di atas hendaklah dikemukakan —

- (a) dalam hal barang-barang mudah musnah, dengan serta-merta;
- (b) dalam hal barang-barang mudah terbakar, dalam masa 14 hari; dan
- (c) dalam hal mana-mana barang-barang lain, dalam masa 1 bulan,

dari tarikh barang-barang itu telah dibawa ke dalam zon bebas itu.

(3) Walau apa pun apa-apa jua dalam peraturan-peraturan ini, barang-barang tidaklah boleh dilepaskan melainkan jika perisytiharan yang dinyatakan dalam subperaturan (1) telah dikemukakan dan diluluskan oleh seorang pegawai Pihak Berkuasa yang hak.

#### **Barang-barang yang keluar dari zon bebas untuk dieksport ke negara-negara di luar Malaysia**

22. Jika seseorang membawa keluar apa-apa barang-barang dari suatu zon bebas ke sesuatu negara di luar Malaysia, dia atau ejennya hendaklah mengemukakan—

- (a) suatu perisytiharan seperti dalam Borang FZ No. 1 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama; dan
- (b) apa-apa dokumen yang berhubung dengan barang-barang sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa,

kepada pegawai Pihak Berkuasa yang hak di zon itu.

## [Peraturan 23 – 24]

### **PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS**

#### **Barang-barang dipindahkapal di zon bebas**

23. (1) Barang-barang yang dicadangkan untuk dipindahkapal di suatu zon bebas tidaklah boleh dipindahkan dari mana-mana tempat, pesawat udara atau vesel dalam zon bebas kecuali di bawah suatu permit yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa seperti dalam Borang FZ No. 1 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Suatu permohonan bagi mendapatkan suatu permit yang disebut dalam subperaturan (1) —

(a) hendaklah dibuat —

(i) kepada pegawai Pihak Berkuasa yang hak seperti dalam Borang FZ No. 1 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(ii) oleh —

(i) konsainor barang-barang atau ejennya; atau

(ii) ejen pesawat udara atau vesel; dan

(b) hendaklah bersama-sama dengan apa-apa dokumen yang berhubungan dengan barang-barang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai Pihak Berkuasa yang hak.

(3) Pegawai Pihak Berkuasa yang hak hendaklah, jika dia berpuas hati bahawa barang-barang itu adalah dicadangkan untuk dipindahkapal, memberi permit itu dalam bentuk yang ditetapkan; dan apa-apa permit yang dikeluarkan di bawah peraturan ini bolehlah tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan oleh Pihak Berkuasa patut dikenakan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini boleh membenarkan apa-apa barang-barang dipindahkapalkan di suatu zon bebas kecuali di hadapan atau di bawah arahan seorang pegawai Pihak Berkuasa yang hak.

#### **Barang-barang memasuki zon bebas dari kawasan utama kastam dan sebaliknya**

24. (1) Seseorang, atau ejennya, yang —

(a) membawa keluar barang-barang dari suatu zon bebas ke dalam suatu kawasan utama kastam; atau

(b) membawa masuk barang-barang ke dalam suatu zon bebas dari suatu kawasan utama kastam,

## [Peraturan 24 – 25]

### *PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS*

hendaklah —

- (i) mengemukakan —
  - (aa) dalam hal barang-barang yang dibawa keluar dari suatu zon bebas, suatu perisytiharan seperti dalam Borang Kastam No. 1; atau
  - (bb) dalam hal barang-barang yang dibawa ke dalam suatu zon bebas, suatu perisytiharan seperti dalam Borang Kastam No. 2, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Kastam 1977;
- (ii) mengemukakan barang-barang untuk pemeriksaan; dan
- (iii) membayar dengan serta-merta duti kastam, cukai atau lain-lain caj, jika ada, yang kena dilevi atas barang-barang itu,

kepada pegawai kastam yang hak di pejabat kastam zon bebas.

(2) Suatu salinan mana-mana perisytiharan yang dibuat menurut peraturan ini hendaklah dihantar kepada Pihak Berkuasa oleh pegawai kastam yang hak.

### **Import dan eksport barang-barang melalui zon bebas**

25. (1) Seseorang, atau ejennya, yang —

- (a) mengimport mana-mana barang-barang ke dalam suatu kawasan utama kastam melalui suatu zon bebas; atau
- (b) mengeksport mana-mana barang-barang dari suatu kawasan utama kastam melalui suatu zon bebas,

tetapi tidak bercadang untuk mendeposit barang-barang itu dalam zon bebas, hendaklah —

- (i) mengemukakan —
  - (aa) dalam hal barang-barang yang diimport, suatu perisytiharan seperti dalam Borang Kastam No. 1; atau
  - (bb) dalam hal barang-barang yang dieksport, suatu perisytiharan seperti dalam Borang Kastam No. 2, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Kastam 1977;

## [Peraturan 25 – 27]

### **PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS**

- (ii) mengemukakan barang-barang untuk pemeriksaan; dan
- (iii) membayar dengan serta-merta duti kastam, cukai atau lain-lain caj, jika ada, yang kena dilevi atas barang-barang itu,

kepada pegawai kastam yang hak di pejabat kastam zon bebas.

(2) Suatu salinan mana-mana perisytiharan yang dibuat menurut peraturan ini hendaklah dihantar kepada Pihak Berkuasa oleh seorang pegawai kastam yang hak.

#### **Pemindahan barang-barang duti berbayar dari zon bebas ke kawasan utama kastam**

**26.** (1) Jika seseorang memindahkan barang-barang dari suatu zon bebas —

- (a) di mana duti atau cukai sebagaimana yang boleh dipakai di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan duti kastam, duti eksais atau cukai jualan telah dibayar, dan
- (b) yang dicadangkan untuk diangkut di antara mana-mana bahagian wilayah-wilayah Malaysia melalui sesuatu zon bebas,

orang itu atau ejennya hendaklah mengemukakan suatu perisytiharan, seperti dalam Borang Kastam No. 3 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Kastam 1977 kepada seorang pegawai kastam yang hak di pejabat kastam zon bebas itu atau di pejabat kastam yang ditetapkan bagi maksud itu.

(2) Suatu salinan perisytiharan yang dikemukakan di bawah peraturan ini hendaklah dihantar kepada Pihak Berkuasa zon bebas oleh pegawai kastam yang hak.

#### **Pemindahan barang-barang dari zon bebas untuk eksport**

**27.** (1) Seseorang atau ejennya yang menindahkan barang-barang melalui suatu kawasan utama kastam —

- (a) dari suatu zon bebas; dan
- (b) dicadangkan untuk dieksport sama ada —
  - (i) melalui suatu pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam dalam suatu kawasan utama kastam; atau
  - (ii) melalui suatu pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam dalam suatu zon bebas,

## [Peraturan 27 – 28]

### *PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS*

hendaklah, dengan sendiri atau melalui ejennya, mengemukakan suatu perisytiharan seperti dalam Borang Kastam No. 8 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Kastam 1977 kepada seorang pegawai kastam yang hak di zon bebas yang mula-mula disebut atau di pejabat kastam yang ditetapkan bagi maksud itu.

(2) Suatu salinan perisytiharan yang dikemukakan di bawah peraturan ini hendaklah dihantar kepada Pihak Berkuasa zon bebas oleh pegawai kastam yang hak.

#### **Pemindahan barang-barang dari gudang berlesen dsb., ke zon bebas dan sebaliknya**

28. (1) Seseorang atau ejennya yang memindahkan barang-barang —

(a) dari —

(i) suatu gudang berlesen;

(ii) suatu gudang mengilang berlesen; atau

(iii) suatu depot kelepasan dalaman berlesen,

yang dilesenkan di bawah Akta Kastam 1967 ke suatu zon bebas melalui suatu kawasan utama kastam;

(b) dari suatu zon bebas —

(i) ke suatu kedai bebas duti;

(ii) ke suatu gudang berlesen;

(iii) ke suatu gudang mengilang berlesen; atau

(iv) ke suatu depot kelepasan dalaman berlesen,

yang dilesenkan di bawah Akta Kastam 1967 melalui suatu kawasan utama kastam;

(c) dari suatu zon bebas ke zon bebas yang lain melalui suatu kawasan utama kastam;

(d) dari mana-mana tempat import ke man-mana zon bebas melalui suatu kawasan utama kastam,

## [Peraturan 28 – 30]

### **PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS**

hendaklah, dengan sendiri atau melalui ejennya, mengemukakan suatu perisytiharan seperti dalam Borang Kastam No. 8 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Kastam 1977 kepada seorang pegawai kastam yang hak di zon bebas atau di pejabat kastam yang ditetapkan bagi maksud itu.

(2) Suatu salinan perisytiharan yang dikemukakan menurut peraturan ini hendaklah dihantar kepada Pihak Berkuasa yang menjaga zon bebas oleh pegawai kastam yang hak.

#### **Pemindahan barang-barang duti tanpa permit adalah dilarang**

29. (1) Tiada seorang pun boleh memindah apa-apa barang-barang berduti atau yang boleh dikenakan cukai dalam wilayah-wilayah Malaysia melalui suatu pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam dalam suatu zon bebas melainkan jika —

- (a) dia telah memperolehi suatu permit seperti dalam Borang Kastam No. 8 di bawah Peraturan-Peraturan Kastam 1977 bagi barang-barang di mana duti atau cukai sebagaimana yang boleh dipakai di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan duti kastam atau cukai jualan telah tidak dibayar; atau
- (b) dia telah memperolehi suatu permit seperti dalam Borang Kastam No. 8 di bawah Peraturan-Peraturan Kastam 1977 bagi barang-barang di mana duti eksais telah tidak dibayar,

daripada seorang pegawai kastam yang hak atau seorang pegawai eksais yang hak, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Pegawai kastam yang hak atau pegawai eksais yang hak yang mengeluarkan permit itu hendaklah menghantar suatu salinan permit tersebut kepada Pihak Berkuasa.

(3) Walau apa pun apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini, barang-barang yang tertakluk kepada duti kastam atau cukai jualan atau duti eksais yang dipindahkan melalui jalan hanya boleh dipindahkan dalam sesuatu kenderaan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan.

#### **Barang-barang larangan tidak boleh dibawa ke dalam atau dipindahkapalkan di, zon bebas**

30. (1) Tiada seorang pun boleh —

- (a) mengimport ke dalam;
- (b) mengeksport dari; atau

## [Peraturan 30 – 32]

### *PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS*

(c) memindahkapal di,

mana-mana zon bebas barang-barang yang tertakluk kepada —

(i) apa-apa perintah larangan yang dibuat di bawah seksyen 31 Akta Kastam 1967; atau

(ii) apa-apa larangan lain di bawah mana-mana undang-undang

bertulis, melainkan jika orang itu —

(a) mempunyai suatu permit yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang relevan;

(b) mengemukakan permit untuk pemeriksaan oleh seorang pegawai kastam yang hak atau seorang pegawai Pihak Berkuasa yang hak, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(c) pegawai kastam yang hak atau pegawai Pihak Berkuasa yang hak berpuas hati bahawa ada pematuhan wajar dengan syarat-syarat yang dinyatakan dalam permit itu, jika ada.

(2) Walau apa pun apa-apa jua dalam subperaturan (1), seorang pegawai kastam yang hak, atau seorang pegawai Pihak Berkuasa yang hak, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, selepas berunding dengan Ketua Pengarah, menolak pindahkapal barang-barang di mana-mana zon bebas yang pengimportan atau pengeksporthannya adalah dilarang.

#### **Tak terpakainya peraturan-peraturan 21 dan 22 dalam hal keadaan tertentu**

**31.** Peruntukan-peruntukan peraturan 21 dan 22 tidaklah terpakai bagi pemindahan barang-barang di bawah peraturan 24, 25, 26, 27 dan 28.

#### **BAHAGIAN IV PELBAGAI**

##### **Ketua Pengarah boleh memberi pengecualian**

**32.** (1) Ketua Pengarah, atau Pihak Berkuasa selepas berunding dengan Ketua Pengarah, boleh mengecualikan mana-mana orang daripada mana-mana peruntukan Bahagian III Peraturan-Peraturan ini.

(2) Pengecualian di bawah subperaturan (1) boleh diberi tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan oleh Ketua Pengarah patut dikenakan.

## [Peraturan 32 – 34]

### **PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS**

(3) Jika suatu zon perdagangan bebas telah di luluskan oleh Menteri bagi maksud berniaga, apa-apa barang-barang yang dibawa atau dengan mana-mana orang atau dalam bagasi mana-mana orang dari suatu zon bebas ke dalam suatu kawasan utama kastam dan yang dicadangkan bagi maksud bukan perdagangan, kehendak untuk mengemukakan suatu borang perisytiharan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah dikecualikan; dan bagi maksud pembayaran duti kastam, cukai jualan dan lain-lain caj atas barang-barang itu perisytiharan secara lisan adalah disifatkan memadai.

#### **Penyerahan elektronik**

**32A.** (1) Pihak Berkuasa boleh membenarkan mana-mana borang yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini dan mana-mana dokumen yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan ini untuk dikemukakan oleh mana-mana orang atau ejennya secara penghantaran elektronik.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Pihak Berkuasa hendaklah, apabila dikehendaki oleh Ketua Pengarah, mengarahkan pengemukaan borang yang ditetapkan dan dokumen-dokumen lain yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan ini dibuat secara elektronik kepada Pihak Berkuasa.

#### **Pelanggaran adalah suatu kesalahan**

**33.** (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi \$ 1000 atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.

(2) Bagi maksud seksyen 33 Akta, kesalahan-kesalahan yang disenaraikan dalam Jadual Kedua adalah kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun.

#### **Pelupusan barang-barang yang ditinggalkan atau tidak diisytiharkan**

**34.** (1) Tertakluk kepada subperaturan (2) dan (3) jika barang-barang dibawa ke dalam suatu zon bebas —

- (a) berada di zon itu dan belum diisytiharkan; atau
- (b) telah ditinggalkan,

selepas suatu tempoh 4 bulan dari tarikh barang-barang itu dibawa ke dalam zon bebas itu, Pihak Berkuasa boleh melupuskan barang-barang itu melalui perlelongan awam.

(2) Pihak Berkuasa tidaklah boleh melupuskan mana-mana barang-barang (selain daripada barang-barang mudah musnah atau mudah terbakar) menurut subperaturan (1), melainkan jika —

## [Peraturan 34 – 36]

### *PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS*

- (a) ia telah memberi notis secara bertulis kepada pemunya barang-barang itu tidak kurang dari 30 hari sebelum tarikh yang dicadangkan bagi pelupusan, jika nama dan alamat pemunya diketahui; atau
  - (b) ia telah menyiarkan suatu notis dalam *Warta* 30 hari genap sebelum tarikh pelupusan, jika pemunya dan alamat pemunya barang-barang itu tidak diketahui.
- (3) Pihak Berkuasa boleh tanpa notis kepada pemunya atau dalam *Warta* —
- (a) melupuskan mana-mana barang-barang mudah musnah pada bila-bila masa jika ia tidak diisytiharkan dan diambil oleh pemunya dengan serta-merta;
  - (b) melupuskan mana-mana barang mudah terbakar jika ia tidak diisytiharkan dan diambil oleh pemunya selepas 14 hari ketibaannya di zon bebas itu.
- (4) Apa-apa hasil jualan awam yang dijalankan menurut peraturan ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan ditolak apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh Pihak Berkuasa dalam menjalankan jualan itu.

### **Pemansuhan**

**35.** Peraturan-peraturan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga adalah dimansuhkan.

### **Peruntukan-peruntukan peralihan**

**36.** Walau apa pun apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini, adalah sah bagi Ketua Pengarah membenarkan penggunaan borang-borang yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Perdagangan Bebas (Pasir Gudang) 1984 bagi maksud Peraturan-Peraturan ini sehingga suatu tempoh sebagaimana yang dia boleh arahkan, selepas mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini seolah-oleh Peraturan-Peraturan itu telah tidak dimansuhkan oleh Peraturan-Peraturan ini.



# [Jadual Pertama]

## PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS

AKTA ZON BEBAS 1990/FREE ZONES ACT 1990  
 PERMOHONAN UNTUK MENJALANKAN AKTIVITI/APPLICATION TO CARRY OUT AN ACTIVITY

ZB No. 4  
 FZ No. 4

1. Kepada: To: <sup>8</sup> Pihak Berkuasa Zon Bebas Free Zone Authority		<b>UNTUK KEGUNAAN RASMI/FOR OFFICIAL USE</b>	
		5. Tarikh Terima/Date of Receipt	6. Nombor Pendaftaran/Registration Number
2. Pemohon (Nama dan Alamat)/ Applicant (Name and Address)		7. Dokumen Dikemukakan/Document Attached	
		Tandakan (X) Mark ZB	
		a. Memorandum dan Perkara-Perkara Persatuan/ . . . . . Memorandum and Articles of Association	
		<input type="checkbox"/>	
		b. Sijil Pendaftaran Perniagaan/Business Registration . . . . .	
		<input type="checkbox"/>	
		c. Lembaga Pengarah, Ahli Perkongsian/Board of Directors, Partners . . . . .	
		<input type="checkbox"/>	
		d. <i>Kelulusan Agensi lain, jika berkenaan/Approval of other . . . . . Agencies, if applicable</i>	
		<input type="checkbox"/>	
3. Alamat Dalam Zon Bebas/Address in the Free Zone		<b>BAGI ZON PERDAGANGAN SAHAJA/ FOR COMMERCIAL ZONE ONLY</b>	
		8. Keterangan Aktiviti/Details of Activity:	
		Tandakan (X) Mark	
		1. Perniagaan/Trading . . . . .	
		<input type="checkbox"/>	
		2. Pemecahan Pukal/Breaking Bulk . . . . .	
		<input type="checkbox"/>	
		3. Menggered/Grading . . . . .	
		<input type="checkbox"/>	
		4. Pembungkusan Semula/Repacking . . . . .	
		<input type="checkbox"/>	
		5. Melebel Semula/Relabelling . . . . .	
		<input type="checkbox"/>	
		6. Transit/Transit . . . . .	
		<input type="checkbox"/>	
4. Nama dan Alamat Ejen yang Otorisasi Name and Address of Authorized Agent		<b>BAGI ZON PERDAGANGAN SAHAJA/ FOR COMMERCIAL ZONE ONLY</b>	
		<b>BAGI ZON PERINDUSTRIAN SAHAJA/ FOR INDUSTRIAL ZONE ONLY</b>	
9. Catatkan jenis-jenis barang siap/State the type of finished products		10. Catatkan jenis-jenis barang/State the type of goods	
11. Dengan ini kami/saya memohon untuk menjadi operator di dalam zon bebas untuk menjalankan aktiviti perdagangan perindustrian* mengikut butir-butir seperti di atas. Kami/ Saya mengesahkan bahawa keterangan di atas adalah benar dan betul dan bersetuju akan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.  <i>I/We hereby apply to become an operator in the free zone for the purpose of carrying out a commercial/industrial* activity has per particulars stated above. I/We certify that the particulars above are true and correct and agree to comply with all the conditions imposed.</i>		<b>UNTUK KEGUNAAN RASMI/ FOR OFFICIAL USE</b>	
		15. Ulasan/Sokongan/Comment/Recommendation	
		Pegawai Pihak Berkuasa yang Hak Proper Officer of Authority	
Tandatangan Pemohon/Signature of Applicant		Tarikh/Date	
12. Nama Pemohon/Name of Applicant		16. Permohonan diluluskan/tidak diluluskan*/Application approved/not approved*	
13. No. Kad Pengenalan/N.R.I.C. Number			
14. Taraf Pemohon/Status of Applicant		Tandatangan Pihak Berkuasa Zon Bebas Authority of Free Zone Authority	
		Date: <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	
		Tahun/Year Bulan/Month Hari/Day	

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan/Delete whichever is not applicable.

# [Jadual Pertama]

## PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS

AKTA ZON BEBAS 1990/FREE ZONES ACT 1990  
 PERMOHONAN UNTUK MEMBANGUNKAN BANGUNAN/MENYEWA BANGUNAN/TANAH ZB No. 5  
 APPLICATION TO ERECT/RENT BUILDING/LEASE LAND FZ No. 5

1. Kepada: To: *Pihak Berkuasa Zon Bebas Free Zone Authority		<b>UNTUK KEGUNAAN RASMI/FOR OFFICIAL USE</b>					
		6. Tarikh Terima/Date of Receipt	7. Nombor Rujukan/Reference Number				
		ANGGARAN NILAI TAHUNAN BAGI/ESTIMATED ANNUAL TURNOVER FOR: MYR					
2. Pemohon (Nama dan Alamat Syarikat)/Applicant (Name and Address of Company)		8. Perniagaan/Pengeluaran Trading/Production					
		9. Eksport/Export					
		10. Jualan Tempatan Local Sale					
		11. Duit/Cukai Kestaim Dikecualikan Customs Duty/Taxes Exempted					
3. Nama dan Alamat Zon/Name and Address of Zone		12. Dokumen Dikemukakan/Document Attached: <span style="float: right;">Tandakan (X) Mark</span>					
		1. Kertas Maklumat Yang Lengkap/Complete Information Paper .....					
		2. Pelan Cadangan/Proposed Plan .....					
		3. Perangkaan/Statistics .....					
		4. Kelulusan Agensi Lain/Other Agencies Approval .....					
		5. Lain-lain (nyatakan)/Others (specify) .....					
4. No. Sijil Pendaftaran Perniagaan/Certificate of Business Registration No.							
5. Jenis Aktiviti Yang Akan Dijalankan/Proposed Type of Activity							
13. Keterangan Barang Perdagangan/Bahan Mentah* (Sila buat lampiran jika tidak mencukupi) Description of Commercial Goods/Raw Material* (Please attach appendix if insufficient)		15. Kod Tarif Kastam Customs Tariff Code					
14. Keterangan Barang Siap yang Dikilang (Sila buat lampiran jika tidak mencukupi) Description of Finished Goods (Please attach appendix if insufficient)							
16. Perihal Bangunan/Kawasan* Dipohon/Details of Building/Area* Applied		<b>UNTUK KEGUNAAN RASMI/FOR OFFICIAL USE</b>					
		15. Ulasan/Sokongan/Comment/Recommendation					
		.....Tarikh/Date <span style="float: right;">Pegawai Berkuasa Zon Yang Hak Proper Officer of Zone Authority</span>					
17. Dengan ini kami/saya* memohon membangun bangunan/menyewa bangunan/menyewa tanah* seperti yang dinyatakan dan mengaku segala keterangan di atas dan yang berkembar adalah benar dan betul. I/we* hereby apply to erect/rent building/lease land* as stated above and hereby certify that the above particulars and those attached herewith are true and correct.		22. Permohonan diluluskan/Tidak diluluskan* Application approved/not approved*					
.....Tarikh/Date <span style="float: right;">Tandatangan/Signature</span>							
18. Nama Pemohon/Name of Applicant							
19. No. Kad Pengenalan/N.R.I.C. Number							
20. Taraf Pemohon/Status of Applicant		Pihak Berkuasa Zon Bebas The Free Zone Authority					
		Tarikh: Date: <table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td></tr></table> Tahun/Year Bulan/Month Hari/Day					

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan/Delete whichever is not applicable.



## [Jadual Kedua – Ketiga]

### **PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS**

#### **JADUAL KEDUA**

**(Peraturan 32 (2))**

#### **KESALAHAN-KESALAHAN BOLEH DIKOMPAN**

Kesalahan-kesalahan berikut adalah kesalahan-kesalahan boleh dikompaun:

(a) Apa-apa kesalahan di bawah —

- (i) seksyen 5;
- (ii) seksyen 8(1);
- (iii) *(Dimansuhkan)*.
- (iv) seksyen 8(4);
- (v) seksyen 11;
- (vi) seksyen 12;
- (vii) seksyen 15;
- (viii) seksyen 16; dan
- (ix) seksyen 23,

Akta ini.

#### **JADUAL KETIGA**

**(Peraturan 34)**

- A. Peraturan-Peraturan Zon Perdagangan Bebas 1972.
  - B. Peraturan-Peraturan Zon Perdagangan Bebas (Pengilangan) 1972.
  - C. Peraturan-Peraturan Zon Perdagangan Bebas (Pasir Gudang) 1984.
-

[Seksyen 1 – 2, Jadual]

**PEMBERITAHUAN ZON BEBAS (KAWASAN YANG  
DIISYTIHARKAN)**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1990, Menteri membuat pemberitahuan yang berikut:

**Nama dan mula berkuatkuasa**

1. (1) Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan **Pemberitahuan Zon Bebas (Kawasan Yang Diisytiharkan) 1992** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 24hb September 1992.

**Kawasan yang diisytiharkan**

2. Menteri dengan ini mengisytiharkan kawasan-kawasan yang dinyatakan dalam Jadual kepada pemberitahuan ini sebagai suatu zon perindustrian bebas.

**JADUAL**

(1) Negeri	(2) Hud-hud Zon
Melaka	(i) Semua tanah yang terletak di Batu Berendam, dalam Mukim Bachang, Daerah Tengah Melaka, yang dilingkungi dengan garisan kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan Warta 294 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Melaka.  (ii) Semua tanah yang terletak di Tanjung Kling, dalam Mukim Tanjung Kling, Daerah Tengah Melaka, yang dilingkungi dengan garisan kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan Warta 295 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Melaka.
Perak	Semua tanah yang terletak di Kinta, dalam Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta, yang dilingkungi dengan garisan kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan Warta 949 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Perak.

---

Seksyen	Perihal Pindaan-Pindaan	No. Akta
Jadual	Dengan menggantikan perkataan "Pelan Warta 429" yang terdapat dalam butiran (i) di bawah kepala "Hud-hud Zon" dengan perkataan "Pelan Warta 295"	P.U. (B) 162/2001

[Seksyen 1 – 2, Jadual]

**PEMBERITAHUAN ZON BEBAS (KAWASAN YANG  
DIISYTIHARKAN)**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1996, Menteri membuat pemberitahuan yang berikut:

**Nama dan mula berkuatkuasa**

1. (1) Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan **Pemberitahuan Zon Bebas (Kawasan Yang Diisytiharkan) 1996** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 20 Jun 1996.

**Kawasan yang diisytiharkan**

2. Menteri mengisytiharkan kawasan yang dinyatakan dalam Jadual kepada pemberitahuan ini sebagai suatu zon perdagangan bebas.

**JADUAL**

(1) Negeri	(2) Had-had Zon
Selangor	Semua tanah yang terletak dalam Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan Warta 1174 dan Lot No. 55709 dan No. 55710 yang ditunjukkan dalam Pelan Warta 1452 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor.
Pulau Pinang	Semua tanah yang terletak di Seksyen 4, bandar Butterworth, Daerah Utara, Seberang Perai yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan Warta 573 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur Pulau Pinang, tidak termasuk kawasan yang dinyatakan di bawah ini:  (i) Tanah yang diduduki oleh Periang Port Sdn. Bhd. terdiri daripada:  (a) Gudang W2;  (b) Blok Eksport (Blok A-D; Slot No. 1-45) (Blok E-H; Slot No. 1-23); dan  (c) Bay Pemeriksaan Kastam untuk kontena (di antara Blok D dan landasan keretapi)

---

Seksyen	Perihal Pindaan-Pindaan	No. Akta
Jadual	Dengan menggantikan butir-butir dalam ruang (2) Jadual bagi negeri Selangor dengan butir-butir yang baru	P.U. (B) 215/2009

**[Seksyen 1 – 2, Jadual]**

**PEMBERITAHUAN ZON BEBAS (KAWASAN YANG  
DIISYTIHARKAN)**

- (ii) Tanah yang diduduki oleh Malaysia Agricultural Oil Sdn. Bhd. bagi Tangki No. 1-6;
  - (iii) Tanah yang diduduki oleh Butterworth Installation bagi Tangki No. 1-13;
  - (iv) Tanah yang diduduki oleh Palm Co. Holding Bhd. bagi Tangki No. 1-4 dan Tangki No. 6-9; dan
  - (vi) Tanah yang diduduki oleh Kedah Oil Palm Bulking Installation bagi Tangki No. 1-16;
-

[Seksyen 1 – 2, Jadual]

**PEMBERITAHUAN ZON BEBAS (KAWASAN YANG  
DIISYTIHARKAN)**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1990, Menteri membuat pemberitahuan yang berikut:

**Nama dan mula berkuatkuasa**

1. (1) Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan **Pemberitahuan Zon Bebas (Kawasan Yang Diisytiharkan) 1997** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 15 Mei 1997.

**Kawasan yang diisytiharkan**

2. Menteri mengisytiharkan kawasan yang dinyatakan dalam Jadual kepada pemberitahuan ini sebagai suatu zon perdagangan bebas.

**JADUAL**

(1) <i>Negeri</i>	(2) <i>Had-had Zon</i>
Johor	(i) Semua tanah di dalam kawasan berpagar yang mengandungi Lot PTB 10707 dan PTB 20006, Mukim Bandar, dalam Daerah Johor Bahru, Lot PTD 146378 dan PTD 148062, Mukim Plentong, dalam Daerah Johor Bahru, jeti di Lot PTB 20380 dan tanah di Lot PTB 20438 (termasuk restoran terapung), Mukim Bandar, dalam Daerah Johor Bahru, Johor.

[Seksyen 1 – 2, Jadual]

**PEMBERITAHUAN ZON BEBAS (KAWASAN YANG  
DIISYTIHARKAN)**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1990, Menteri membuat pemberitahuan yang berikut:

**Nama dan mula berkuatkuasa**

1. (1) Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan **Pemberitahuan Zon Bebas (Kawasan Yang Diisytiharkan) 1998** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 30 Jun 1998.

**Kawasan yang diisytiharkan**

2. Menteri mengisytiharkan kawasan yang dinyatakan dalam Jadual kepada pemberitahuan ini sebagai suatu zon perdagangan bebas.

**JADUAL**

(1) <i>Negeri</i>	(2) <i>Had-had Zon</i>
Selangor	(i) Semua tanah yang terletak dalam Kawasan Bandar Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang, Daerah Sepang yang dilingkungi dengan garisan kelabu seperti yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Harta</i> 1207 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Negeri Selangor

---

[Seksyen 1 – 2, Jadual]

**PEMBERITAHUAN ZON BEBAS (KAWASAN YANG  
DIISYTIHARKAN)**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1990 [Akta 438], Menteri membuat pemberitahuan yang berikut:

**Nama dan mula berkuatkuasa**

1. (1) Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan **Pemberitahuan Zon Bebas (Kawasan Yang Diisytiharkan) 1999**.

(2) Pemberitahuan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 1999.

**Kawasan yang diisytiharkan**

2. Menteri mengisytiharkan kawasan yang dinyatakan dalam Jadual sebagai suatu zon perdagangan bebas.

**JADUAL**

(1)	(2)
<i>Negeri</i>	<i>Had-had Zon</i>
Johor	(i) Semua tanah yang terletak di dalam Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor yang dilingkungi oleh garisan kelabu sebagaimana yang ditunjukkan Pelan <i>Warta</i> 2219 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Johor tidak termasuk kawasan yang dinyatakan di bawah:  tanah yang diduduki oleh Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd., yang mengandungi Kawasan Pemeriksaan Kastam yang dikelilingi oleh garisan kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan <i>Warta</i> 2219 (Blok C-Baris 12; kawasan seluas 3,834 meter persegi) dan (Blok F-Baris 12; kawasan seluas 3,834 meter persegi)

[Seksyen 1 – 2, Jadual]

**PEMBERITAHUAN ZON BEBAS (KAWASAN YANG  
DIISYTIHARKAN)**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1996 [Akta 438], Menteri membuat pemberitahuan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan **Pemberitahuan Zon Bebas (Kawasan Yang Diisytiharkan) 2000**,

(2) Pemberitahuan ini mula berkuat kuasa pada 14 September 2000.

**Kawasan yang diisytiharkan**

2. Menteri mengisytiharkan kawasan yang dinyatakan dalam Jadual sebagai suatu—

(a) zon perdagangan bebas:

**JADUAL**

(1) Negeri	(2) Had-had Zon
Johor	(i) Semua tanah yang terletak dalam Mukim Pientong dalam Daerah Johor Bahru, yang dilingkangi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan Waris 2233, 2234 dan 2283 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur Johor, tidak termasuk kawasan-kawasan yang dinyatakan di bawah ini:  (ii) Tanah yang diduduki oleh Felda Johore Bulkiers Sdn. Bhd. di Lot 66228 dan 66229;  (iii) Tanah yang diduduki oleh Petronas Dagangan Berhad di Lot 66226 dan 66227;  (iv) Tanah yang diduduki oleh BP Malaysia Sdn. Bhd. di Lot 66221 dan 66227;  (v) Tangki No. 603 di premis Intercontinental Terminals (M) Sdn. Bhd. di Lot 66223;  (vi) Tangki No. 752 dan 1502 di premis Intercontinental Terminals (M) Sdn. Bhd. di Lot 66224;

Seksyen

Perihal Pindaan-Pindaan

No. Akta

2(a)

Dengan menggantikan perkataan "dan 2234" dengan perkataan ", 2234 dan 2283"

P.U. (B) 575/2001

**[Jadual]**

**PEMBERITAHUAN ZON BEBAS (KAWASAN YANG  
DIISYTIHARKAN)**

- (vi) Kawasan Pemeriksaan Kastam seluas 0.459 hektar di Terminal Kontena di Lot 66208.
- (vii) Tanah (Lot A) seluas 1.909 hektar di Lot 66233 dan tanah (Lot B) seluas 1.028 hektar di Lot 83274 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan Warta PW 2282.

(b) zon prindustrian bebas:

**JADUAL**

(1) <i>Negeri</i>	(2) <i>Had-had Zon</i>
Johor	(i) Semua tanah yang terletak dalam Mukim Plentong dalam Daerah Johor Bahru, yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan Warta 2235 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur Johor.

---

<b>Seksyen</b>	<b>Petihal Pindaan-Pindaan</b>	<b>No. Akta</b>
2(a)	Dengan menggantikan noktah di hujung butiran (vi) dengan perkataan " dan "  Dengan memasukkan selepas butiran (vi) butiran (vii)	P.U. (B) 375/01

[Seksyen]

**PEMBERITAHUAN ZON BEBAS (KAWASAN YANG  
DIISYTIHARKAN)**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1990 [Akta 438], Menteri mengisytiharkan kawasan yang berikut sebagai suatu zon perdagangan bebas dan zon perindustrian bebas mulai 9 Jun 2005.

<i>Negeri</i>	<i>Had-had Zon</i>
Selangor	(Lot 67894) Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor, sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan kelabu dalam Pelan Warta 1388 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetuan, Selangor.

---

[Seksyen 1 – 2, Jadual]

**PEMBERITAHUAN ZON BEBAS (KAWASAN YANG  
DIISYTIHARKAN)**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1990 [Akta 438], Menteri membuat pemberitahuan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan **Pemberitahuan Zon Bebas (Kawasan Yang Diisytiharkan) 2006**.

(2) Pemberitahuan ini mula berkuat kuasa pada 6 Oktober 2006.

**Kawasan yang diisytiharkan**

2. Menteri mengisytiharkan kawasan yang dinyatakan dalam Jadual sebagai suatu zon perindustrian bebas.

**JADUAL**

(1) <i>Negeri</i>	(2) <i>Had-had Zon</i>
Johor	(Sebahagian Lot PTD 2423) Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor, sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan kelabu dalam Pelan Warta 2751 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Johor.
Johor	(Lot PTD 2426) Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor, sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan kelabu dalam Pelan Warta 2752 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Johor tidak termasuk kawasan pemeriksaan kastam seluas 5,834 meter persegi.
Johor	(Lot PTD 1586 dan PTD 1731) Mukim Serkat, Daerah Pontian, Johor, sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan kelabu dalam Pelan Warta 2750 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Johor.

[Seksyen 1 – 2, Jadual]

**PEMBERITAHUAN ZON BEBAS (KAWASAN YANG  
DIISYTIHARKAN)**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1990 [Akta 438], Menteri membuat pemberitahuan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan **Pemberitahuan Zon Bebas (Kawasan Yang Diisytiharkan) 2007**.

(2) Pemberitahuan ini mula berkuat kuasa pada 29 Mac 2007.

**Kawasan yang diisytiharkan**

2. Menteri mengisytiharkan kawasan yang dinyatakan dalam Jadual sebagai suatu zon perdagangan bebas.

**JADUAL**

(1) <i>Negeri</i>	(2) <i>Had-had Zon</i>
Selangor	(Sebahagian lot 88077 seluas 13,359 hektar) Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor, sebagai yang ditunjukkan dengan garisan kelabu dalam Pelan Warta 1451 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor.

---

